


Jilid III
Bil. 4



Hari Khamis
16hb April, 1981

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Tuan Lee Jong Ki [Ruangan 413]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 413]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 413]

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 503]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 502]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).

„ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL
HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P.,
P.P.T., P.J.K. (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam
Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.
(Kedah).

„ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).

„ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).

„ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,
J.P. (Dilantik).

„ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).

„ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).

„ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.
(Johor).

„ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).

„ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.
(Johor).

„ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).

„ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).

„ DATO HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S.,
S.M.J. (Dilantik).

„ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH
FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N.
(Trengganu).

- Yang Berhormat DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P.,
D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P.
(Perak).
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pirang).
- ” TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- ” DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- ” TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- ” TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik)
- ” TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD,
K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- ” DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N.,
S.D.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- ” TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- ” TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- ” TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- ” TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- ” DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P.
(Pahang).
- ” DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI
MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- ” TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA
(Dilantik).
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.
(Dilantik).
- ” TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M.,
P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T.,
S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N.,
J.P. (Dilantik).
- ” TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.
(Negeri Sembilan).
- ” TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

Yang Berhormat DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.
(Dilantik).

- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N.,
B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 16hb April, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Lee Jong Ki

PEMASYURAN YANG
DI-PERTUA

Mengalu-alukan Ahli Baru

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dilantik itu dapat memberikan sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PENAGIH DADAH—PEMULIH

1. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa hampir 80% dari penagih dadah yang pulih dirawat, kembali mengisap dadah dan jika benar nyatakan tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, pendapat yang mengatakan bahawa hampir 80% dari penagih dadah yang pulih dirawat kembali mengisap dadah adalah tidak begitu tepat. Dari maklumbalas yang diterima oleh Kementerian Kebajikan Am, kira-kira 35% daripada penagih-penagih dadah yang dipulih dalam pusat-pusat pemulihan dadah Kementerian Kebajikan Am telah kembali menyalahguna dadah. 18% lagi tidak dapat dikesan dan jika mereka ini boleh dianggap tidak kembali menyalahguna dadah maka ini bermakna kira-kira sejumlah 65% adalah berjaya dipulihkan. Sungguhpun begitu, Kementerian saya sentiasa mencuba memperbaiki rancangan-rancangan pemulihan yang dijalankan dan sentiasa mengkajinya dan dinilai untuk diperbaiki lagi. Pusat-pusat yang lengkap akan dibina, dan bilangan kakitangan juga akan ditambah untuk mengukuhkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang ada pada masa ini.

Saya suka juga menjelaskan bahawa proses pemulihan penagih-penagih dadah adalah sangat sukar dan rumit dan memerlukan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak, khasnya keluarga dan masyarakat keseluruhannya. Orangramai perlu mengeneipkan perasaan perasangka terhadap bekas penagih-penagih dadah dan masyarakat juga perlu membantu mereka. Jika ini tidak dapat dibuat segala usaha-usaha Kerajaan dalam bidang pemulihan tidak akan mencapai kejayaan sepenuhnya.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab dadah ini amat merbahaya dan memberi satu kesan yang nyata dalam negara kita, saya suka bertanya mengikut Yang

Berhormat Menteri lebih kurang 65% berjaya orang-orang yang dirawat dipulihkan sebagai manusia biasa. Pada pendapat saya, bolehkah Yang Berhormat menteri memberitahu Dewan ini daripada mula kita adakan rawatan berkenaan dengan orang yang kena penyakit dadah negara kita ini sehingga hari ini berapa orangkah yang telah dapat masuk dalam tempat rawatan kita itu sehingga sekarang dan daripada itu dapatlah kita menilai 65% ini agaknya yang telah sembuh menjadi baik dari rawatan tersebut. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak mengetahui perangkaan yang terperinci seperti itu, saya bolehlah menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat Kementerian saya akan menghantar satu butiran-butiran yang lengkap kepada Ahli Yang Berhormat itu.

KEKURANGAN GULA

2. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab mengapa krisis kekurangan gula pasir baru-baru ini dengan segera boleh diatasi selepas Kerajaan bersetuju menaikkan harganya di pasar. Jika sebab utamanya ialah "menyorok" tidakkah ini akan menjadi ikutan kepada barang-barang keperluan yang lain.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan bahawa terdapat segolongan peniaga-peniaga yang menyorok barang-barang perlu seperti gula apabila mereka itu mengetahui harga barang-barang itu akan dinaikkan. Wujudnya golongan yang tidak bertanggungjawab ini adalah terbukti dari tindakan-tindakan yang berjaya diambil oleh Kementerian saya. Umpamanya, sebanyak 71 kes yang melibatkan gula telah diambil oleh Kementerian saya antara bulan Julai 1980 sehingga sekarang sementara gula yang bernilai lebih kurang 52 ribu ringgit telah dirampas. Penyorokan oleh segolongan

peniaga yang tidak bertanggungjawab ini merupakan salah satu faktor bagi menerangkan mengapa kekurangan bekalan barangan-barangan itu tidak berlaku lagi sebaik sahaja Kerajaan mengumumkan kenaikan harga.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan penyorokan bukanlah faktor utama yang menjadikan keadaan bekalan pulih seperti sedia kala. Sebaliknya faktor utama yang menyebabkan keadaan bekalan pulih ialah kerana pengguna-pengguna telah berhenti membeli secara berlebihan akibat dari 'panic buying' seperti yang dilakukan sebelum harga dinaikkan. Oleh kerana ketika Kerajaan mengumumkan harga barangan itu dinaikkan pengguna-pengguna sudahpun mempunyai bekalan yang mencukupi yang dibeli sebelum harga dinaikkan maka sudah pasti mereka ini tidak lagi berlumba-lumba untuk membeli barangan itu selepas harga baru diumumkan. Inilah yang menjadikan bekalan gula berlambak selepas harga barangan itu dinaikkan.

Selain daripada itu, apabila harga barangan itu belum dinaikkan golongan yang menyeludup barang-barang itu ke negeri lain mendapati kegiatan mereka adalah menguntungkan. Tetapi selepas harga barang itu dinaikkan kegiatan ini tidak lagi menguntungkan mereka. Sekiranya sebelum harga dinaikkan barang-barang ini mengalir keluar dari negara ini tetapi selepas harga barang itu dinaikkan barangan-barangan itu tidak lagi diseludupkan. Ini juga menyebabkan bekalan di pasaran tempatan untuk menampung permintaan pengguna-pengguna tempatan bertambah.

Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Gula adalah satu keperluan hidup bagi rakyat kita dan juga manusia sekaliannya, Saya tumpang bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan kalau sekiranya di dalam masalah minyak, umpamanya, minyak diesel, apakala didapati minyak ini ada penyeludupannya dan ada pula komplot yang menyembunyikan, pihak PETRONAS telah mengambil tugas membukakan stesen-stesen minyak di seluruh negara memberi kesenangan kepada orang-orang yang ada

motokar, lori dan sebagainya. Berkenaan dengan gula ini adalah satu masalah keperluan hidup, beberapa kali sudah dinaikkan daripada harga asal sehingga menjadi \$1.05 sekati tetapi saya tak nampak pihak Kementerian mengambil langkah sebagaimana yang dibuat oleh pihak PETRONAS. Tidakkah boleh pihak Kementerian menerusi BABENA seumpamanya apakala didapati gula ini tidak ada ataupun diseludupkan atau sengaja disembunyikan kenapa tidak berunding dengan BABENA supaya dijual kepada orang ramai sebagaimana pernah dibuat kepada minyak diesel? Menyalahkan kepada orang-orang berniaga pada pendapat saya ini satu perkara tak kena dengan sebab orang-orang berniaga memang mencari untung, ada orang menyabung nyawa kerana berkehendakkan wang. Kita tengok bagaimana orang yang bawa lari cukai (mengelak dari cukai), dia tak peduli walaupun kena tembak, jadi masalah gula begitu juga. Kenapa pihak Kementerian tidak mengadakan pusat-pusat penjualan sebagaimana yang dibuat oleh PETRONAS?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, keadaan pembekalan dan pengeluaran barang-barang petroleum seperti diesel tidak boleh diambil sebagai contoh menghadapi masalah pembekalan gula. Apabila bekalan diesel menghadapi kekurangan, PETRONAS ada kemampuan untuk menapis minyak mentah untuk membuat diesel dan melalui PETRONAS benda ini dapat disalurkan kepada pengguna-pengguna, tetapi dalam perindustrian gula di Malaysia kita ini kita ada 4 syarikat gula bersatu (integrated sugar complex) yang mana ada ladang tebu dan bekalan gula pasir atau gula mentah daripada ladang tebu itu cuma 11% dan negara kita ini bergantung daripada mengimport gula mentah dalam kadar 89%, sebab ini kita tidak boleh bekalkan. Kalau Gula Perlis atau Gula Padang Terap yang mana Kerajaan ada mempunyai ekuiti boleh membekalkan 60% atau 70% boleh kita jalankan skim seperti ini tetapi dalam keadaan yang mana 89% daripada kegunaan permintaan gula ini datang dari luar negeri kita tidak boleh jalankan satu sistem yang dijalankan oleh PERNAS bagi minyak diesel.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Saya cuma hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini adakah Kerajaan bercadang hendak menimbang menurunkan semula harga gula oleh sebab harga gula mentah dunia telah mula turun sejak bulan Oktober, 1980, bermakna sudah 8 bulan? Adakah Kerajaan bercadang menimbangkan supaya diturunkan semula harga gula itu dan ini menolong mengurangkan inflasi negara?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak nafikan bahawa harga gula di pasaran dunia telah turun jika kita bandingkan dengan keadaan yang ada seperti pada hujung bulan Oktober tahun dahulu sudah turun. Tetapi satu perkara yang kita mesti ingat ialah harga-runcit gula negara kita ini bergantung kepada 3 faktor. Faktor pertama harga gula mentah di bawah kontrak-kontrak jangka panjang dengan Australia dan Fiji, kita telah mengikat dengan Kerajaan Negeri Australia dan Fiji untuk membekalkan 66% daripada permintaan gula di bawah kontrak itu yang mana harga itu tidak boleh diubah, kita cuma boleh ubah ialah 23% daripada gula yang dibekalkan yang mana kita perolehi dari pasaran dunia yang mengikut harga naik turun dunia. Sungguhpun harga gula di pasaran dunia telah turun tetapi ada sebahagian daripada bekalan yang mana kilang gula itu telah beli gula mentah itu tidak boleh mengubah kos bahan mentah itu tetapi sekarang kita ada mengkaji dan jika perlu kita akan mengubah harga yang ditetapkan.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Sepanjang yang saya faham dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian lebih arif, kita membuat agreement dengan Australia dan Fiji dalam tempoh jangka panjang, 2-3 tahun dahulu. Jadi bermakna pada waktu perjanjian dibuat harga gula masih murah dan Kerajaan Australia mesti membekalkan mengikut perjanjian kita tetapi oleh sebab desakan kilang-kilang gula dalam negara maka Kerajaan beralah. Bolehkah diperkuatkan semula pertimbangan itu memberi perakuan

kepada Dewan ini supaya rakyat dapat berasa lega jika harga gula turun daripada \$1.05 kepada angka yang lebih murah daripada yang ada sekarang ini?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, harga gula mentah di bawah kontrak itu mengikut satu formula. Saya tidak boleh mengumumkan formula itu sebab ini ialah satu rahsia dalam kontrak tetapi ubahan harga ini mengikut harga pasaran dunia lebih kurang 10% sahaja. Kalau kita ubah pun, kalau harga gula dunia turun kita boleh ubah dalam 10% dan kalau naik pun dalam 10%, jadi ini ialah satu keadaan yang mana flexibility kita tidak dapat banyak, walau bagaimanapun ada pro dan con di mana ada satu masa yang mana harga telah naik sampai \$2,000 satu tan gula mentah kita pun boleh mengawal harga dalam 75/80 sen, tetapi ada masa yang mana seperti sekarang sudah turun balik kita tidak boleh mengubah ini dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita telah mendengar Timbalan Menteri menerangkan keadaan gula negara dan sebagainya. Tetapi saya merasa pelik tentang sorok menyorok barang-barang ini, barang-barang yang telah dikatakan tidak ada tetapi bila Menteri menerangkan harga barang naik sahaja dalam masa dua jam barang itu sudah melambak-lambak ada. Bagaimana yang kata Timbalan Menteri tadi barang itu tidak ada, susah dapat di luar negeri dan sebagainya. Oleh itu saya ingin bertanya apakah tindakan Kementerian buat masa ini dan masa yang akan datang supaya perkara-perkara yang semacam ini tidak berlaku lagi? Kalau boleh, sebelum Kementerian mengisytiharkan harga satu-satu barang yang akan naik saya rasa terlebih dahulu menyelidik di kedai dan sebagainya supaya perkara ini tidak jadi sebagaimana yang telah lalu. Umpamanya susu, baru dalam masa dua jam macam-macam susu sudah keluar balik boleh dibeli oleh orang ramai. Oleh itu, saya haraplah Kementerian supaya di masa yang akan datang jangan hanya memberi jawapan ini susah, itu susah dan sebagainya tetapi bila harga naik benda itu melambak-lambak ada.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang mana Kementerian saya

dan juga mana-mana manusia tidak boleh kawal ialah human nature. Ada golongan yang ingin mendapat keuntungan akan seberapa banyak yang boleh. Kalau boleh untung dia mahu untung bagaimana jalan pun dia cari sampai kalau ada hukuman potong kepala pun dia jalan juga (*Ketawa*). Ini yang kita tidak boleh elakkan. Dan seberapa yang boleh kita tahu mana-mana ada penyeludupan kita ambil tindakan bagi rampas barang itu, kita bawa ke mahkamah orang itu. Ini jadi satu contoh sahaja. Jadi selain daripada itu, kalau kita tidak ada maklumat yang mana barang itu disorok kita tidak boleh buat apa-apa. Tetapi yang mana keadaan sudah bertukar harga sudah naik tidak berfaedah untuk menyorok barang itu keluarlah. Jadi ini human nature kita tidak boleh kawal.

PENGANGGURAN—KADAR DI KALANGAN BELIA

3. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan kadar pengangguran di kalangan belia di antara 15-19 tahun di kawasan bandar selepas Rancangan Malaysia Ketiga dilaksanakan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1980 jumlah tenaga kerja di Malaysia ialah 5,380,000 dan kadar pengangguran pula ialah 5.3% atau 286,500 orang. Mengikut Penyiasatan Tenaga Buruh (Labour Force Survey) di Semenanjung Malaysia yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan sejak tahun 1974 hingga 1978 kadar pengangguran di kalangan belia di antara 15 tahun hingga 19 tahun di kawasan bandar telahpun menurun daripada 20.7% pada tahun 1974 dan kepada 17% pada tahun 1978. Sekiranya kadar 17% ini pada tahun 1978 dijadikan asas pengiraan maka jumlah pengangguran di kalangan belia di antara 15 tahun hingga 19 tahun di kawasan bandar ialah lebih kurang seramai 48,700 orang.

BAHASA MALAYSIA— PENGUNAAN DI MAHKAMAH

4. Tuan Abdullah bin Salleh minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa penggunaan Bahasa Malaysia di negara ini masih belum berdaulat dengan

sepenuhnya lagi, terutama penggunaan di mahkamah-mahkamah. Jika sedar adakah Kerajaan akan mengkaji semula fasal di dalam Perlembagaan yang mengecuahkan penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya di mahkamah-mahkamah yang menjadi punca besar atas kegagalannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa dengan adanya peruntukan undang-undang yang terkandung dalam seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, yang menggantikan peruntukan sementara Perkara 152 Perlembagaan Malaysia sejak 1hb September, 1967, kemungkinan masih terbuka kepada mahkamah-mahkamah tidak menggunakan sepenuhnya Bahasa Malaysia di dalam perbicaraan.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah tegas untuk sama-sama mendokong cita-cita dan kehormatan kedaulatan Bahasa Kebangsaan, Mahkamah-mahkamah Rendah sudahpun diarah sejak tahun 1970 supaya menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam semua perbicaraan setakat mana yang dapat tanpa mengganggu perjalanan perbicaraan itu. Arahan ini sudahlah dipatuhi.

Dalam hal pentadbiran dan surat menyurat pula, semua mahkamah, sama ada Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Persekutuan menggunakan Bahasa Kebangsaan seluas-luasnya.

Di antara sebab mengapa Bahasa Kebangsaan tidak dapat digunakan sepenuhnya di mahkamah ialah demi kerana justice atau keadilan saksi-saksi tidak boleh dipaksa menggunakan bahasa yang mereka tidak fasih dan selain dari itu bahasa undang-undang dan undang-undang bertulis kita adalah berpunca dari Bahasa Inggeris. Banyak istilah undang-undang dalam berbagai bidang belum lagi ada istilah Bahasa Kebangsaan. Buku-buku teks undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan adalah sangat berkurangan. Laporan kes-kes yang sering menjadi bahan hujah di mahkamah tidak ada dalam Bahasa Kebangsaan. Dalam hal yang demikian adalah sukar bagi mereka yang terlibat dalam menjalankan sesuatu kes untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan

sepenuhnya, lebih-lebih lagi jika perkara yang terlibat itu ialah suatu perkara teknikal undang-undang dan memerlukan penguasaan Bahasa Kebangsaan yang tinggi mutunya.

Kesimpulannya, penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah perlulah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat atau beransur-ansur supaya keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan Undang-undang yang menjadi teras pemerintahan negara ini tidak terganggu atau terjejas.

Usaha yang bersungguh jua dijalankan oleh Kerajaan untuk mendapatkan lebih ramai peguam-peguam yang berminat dan fasih dalam Bahasa Kebangsaan supaya berkhidmat dengan Kerajaan dan menjalankan kerja menterjemah tetapi hasrat ini belum tercapai sepenuhnya oleh kerana kita masih kekurangan orang.

Oleh yang demikian, Kerajaan berpendapat bahawa masa dan keadaan belumlah lagi sesuai untuk memaksa mahkamah menjalankan perbicaraan dalam Bahasa Kebangsaan sepenuhnya dengan membuat apa-apa pindaan kepada undang-undang.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Apabila saya mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan tidak layak, belum sampai masanya, tidak cukup, saya rasa cukup sedih. Kalau negeri Jepun, negeri China, negeri Russia ataupun di mana-mana sahaja di dalam dunia ini boleh membicarakan di mahkamah dalam bahasanya sendiri, cukup malang Malaysia selepas 30 tahun merdeka tidak boleh berbicara di dalam bahasanya sendiri, tidak yakin dalam bahasa sendiri. Yang bercakap ini seorang Menteri undang-undang yang berbangsa Malaysia sendiri ini mengejutkan saya pada hal unsur-unsur bahasa ini diakui oleh Pendita Zaaba, seorang pendita bahasa kita, bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia ini juga bukan sahaja digunakan dalam semua bidang bahkan boleh menjadi *lingua franca* di seluruh kepulauan Melayu ataupun di seluruh lautan Asia ini, sebab ianya bahasa yang meluas dan menambah. Katalah bahasa Inggeris yang digunakan oleh banyak bangsa di dalam dunia ini. Pada asalnya dulu

bukannya banyak, serupa juga kalau kita baca sejarah dunia. Asia sudah membangun, Eropah yang banggakan bahasa Inggeris yakni bahasa mahkamah itu pun hutan belantara masih belum membangun, sedangkan Asia sudah membangun dan menjadi Kerajaan yang utuh, baik negeri China, India dan lain-lain negeri di Asia. Tetapi yang hairannya kita juga hendak mendewa bahasa penjajah yang macam ini sampai sekarang.

Yang lebih memalukan ialah kita sendiri berpendapat bahawa bahasa kita tidak lengkap dan sebagainya. Padahalnya kita boleh lengkapkan sekarang juga. Serendah-rendahnya saya ini boleh mencabar Yang Berhormat Menteri, minta maaf, boleh ditanya apa yang kurang dalam bahasa ini. Kalau kurang, itu kita boleh tambah. Kita dulu pakai "kereta lereng" dalam bahasa kita, sekarang kita pakai "basikal". Kita ambil bahasa Inggeris, boleh!

Kita hendak pakai motokar, kita guna motokar, kita hendak pakai perkataan railway station, kita tidak mahu pakai perkataan perhentian keretapi, kita boleh pakai railway station, apa yang hendak disusahkan. Kalau hendak pakai bahasa Inggeris pakailah, tetapi ini dikatakan Bahasa Malaysia tidak boleh dipakai. Watak manapun, bumi manapun tidak menerima alasan ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap banyak tetapi saya berharap tak usah lagi diulang alikkan Bahasa Malaysia tidak boleh digunakan. Sepatutnya Kementerian Undang-undang berani dan tegas seperti saya katakan sekarang tiap-tiap Menteri berani melangkah bukan ikut tradisi Menteri sahaja tetapi hendaklah meneroka bagi faedah bangsa dan negara. Bukan bagi faedah Menteri, aku apa hendak takut lima tahun habis menjadi Menteri, bendera keretapun hilang, apa yang ada sudahlah. Saya terpaksa minta maaf kerana bercakap ini. Yang kita mahu Menteri yang meneroka, sebagai kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berdedikasi, memandang jauh, berani dan redikal. Kalau kita boleh gunakan bahasa Inggeris kita buat satu limit tertentu lima tahunkah lagi kalau tidak boleh dari sekarang, ini tidak ada langsung.

Dato' Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Untuk penjelasan. Apa soalnya, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Saya soal ini saya suka menerangkan dahulu. Dalam Dewan ini kita telah berjanji sebagai Ahli Dewan kita mesti bersedia mengurbankan masa dan tenaga kita memenuhi apa-apa maksud negara kita. Jadi tujuan ini mempunyai panjang sedikit supaya menjadi asas apa sebab tidak boleh Bahasa Kebangsaan digunakan di mahkamah. Yang lebih pelik kepada saya tidak ada diberi matlamat sampai bila. Sekarang kita sudah merdeka 23 tahun masih tidak boleh digunakan lagi. Saya hendak bertanya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri matlamatnya tahun 1985, keluar sahaja fajar tahun 1985 Bahasa Kebangsaan boleh dipakai dalam semua mahkamah dan undang-undang dalam negeri ini. Bolehkah Yang Berhormat itu memberikan jaminan?

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat itu memperakui lagi, ini dengan perasaan demi keutuhan bahasa kalau betul bahasa kita miskin tidak boleh dijalankan di mahkamah, saya hendak bertanya sebagaimana saya katakan kalau orang Putih sendiri dahulu tidak lengkap bahasanya, meminjam di sana, meminjam di sini dijadikan bahasa Inggeris sehingga boleh dijadikan bahasa dunia kita juga mana yang tidak boleh pakai Bahasa Perancis kita boleh pakai, bahasa Jepun hendak pakai "henomaru" pakailah dalam mahkamah mengapa tidak boleh? Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah beritahu sebab-sebab kenapa perbicaraan ini tidak boleh lagi dijalankan dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya di negara kita. Kita tidaklah boleh buat bandingan dengan negeri Jepun ataupun China kerana mereka telahpun menggunakan undang-undang dalam bahasa sendiri semenjak banyak tahun dahulu, sedangkan kita di Malaysia buku undang-undang sudah berpuluh-puluh tahun ini masih dalam bahasa Inggeris. Semenjak beberapa tahun dahulu baharulah ada usaha untuk menterjemahkan undang-undang ini.

Dan seperti saya terangkan tadi kita terlalu berkurangan Pegawai Undang-undang, peguam-peguam Melayu ataupun orang lain yang bukan Melayu tetapi yang berminat dan fasih di dalam Bahasa Malaysia kalau ada memang kita hendak gunakan mereka. Kita hendak mereka masuk di dalam Perkhidmatan Judicial and Legal tetapi orangnya tidak ada, kalau adapun mereka tidak berminat dalam Bahasa Malaysia ini. Itulah yang menyebabkan kelambatan menterjemahkan undang-undang dan lain-lain tugas untuk menetapkan perbicaraan di dalam Bahasa Malaysia kita. Dan kalau masih kita dalam keadaan susah hendak mendapatkan pegawai-pegawai seperti yang saya sebutkan tadi, jadi tentulah tidak dapat saya hendak beri satu tahun ataupun satu matlamat pada waktu mana perbicaraan ini dapat dijalankan dalam Bahasa Malaysia di mahkamah.

Dato Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menegakkan benang basah, tetapi semua orang tahu, Tuan Yang di-Pertua, sebelum perang mahkamah-mahkamah di negeri yang di katakan Unfederated Malay States iaitu Trengganu, Kelantan, Kedah, Perlis dan Johor adalah menggunakan Bahasa Melayu di dalam mahkamah masing-masing, dari Mahkamah Rendah sampai kepada Mahkamah Tinggi sedangkan undang-undang yang digunakan di dalamnya ialah undang-undang bahasa Inggeris. Undang-undang itu juga sampai sekarang digunakan termasuklah undang-undang yang diambil daripada India dan sebagainya. Jadi ini saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian, kalau sekiranya negeri-negeri yang tersebut semasa belum perang boleh menggunakan Bahasa Melayu di dalam mahkamah-mahkamah sedangkan undang-undang itu juga, di samping Bahasa Melayu undang-undang itu undang-undang bahasa Inggeris yang digunakan dijadikan reference, kenapa pada masa sekarang tidak boleh. Jadi, adakah bermakna Hakim-hakim pada masa ini lebih kurang darjahnya daripada Hakim-hakim zaman dahulu?

Yang kedua, bagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi hendak menterjemahkan undang-undang. Di

dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bertanya, Mengikut keputusan yang telah dibuat selepas daripada 10 tahun merdeka, iaitulah pada tahun 1967, semua undang-undang yang ada dalam bahasa Inggeris itu hendaklah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia, tetapi apakala ditanya di sini dijawabnya undang-undang yang ada itu banyak mana baharu terjemah, tidak sampai 5%. Jadi kalau cara macam ini hingga bila kita hendak menterjemahkan undang-undang bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Malaysia. Jadi, kalau macam ini sampai berapa ratus tahun lagi Malaysia akan menggunakan bahasa Inggeris di dalam perbicaraan. Kenapa tidak dihadkan masa, dikatakan selepas Merdeka 20 tahun atau 30 tahun mahkamah mesti menggunakan Bahasa Malaysia, jadi baharulah ada ketegasan daripada Hakim-hakim, ketegasan daripada peguam-peguam ataupun lawyers itu mempelajari bahasa Malaysia? Adapun cara keadaan sekarang ini dibiarkan begitu sahaja, saya fikir walaupun kucing bertanduk kita akan menggunakan bahasa Inggeris di dalam mahkamah-mahkamah.

Sebagaimana dikatakan oleh pihak Kementerian tadi berkenaan dengan teknikal, itu tidak payah, Tuan Yang di-Pertua, gunakan sahaja bahasa itu. Perkataan "mahkamah" itu sendiri tidak ada dalam bahasa Melayu. "Mahkamah" bahasa Arab, "court" bahasa Inggeris tetapi kita gunakan mana satu sama ada kita gunakan "mahkamah" gunakan bahasa Arab ataupun kita kata "court" bahasa Inggeris - tidak apa. Indonesia saudara kita yang kita sekarang ada satu panitia istilah dengan Malaysia. Jadi, saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri ini selama mana lagi mahkamah ini hendak diberi tempoh, adakah hendak dikekalkan sehingga mahkamah itu sendiri memikirkan sudah layak baharu diisytiharkan ataupun Kerajaan mesti beri tempoh kepada mahkamah? Sekarang 24 tahun kita sudah merdeka, 10 tahun kita sudah beri kebebasan kecuali bahasa Inggeris kepada mahkamah, beri tempoh lagi selepas daripada 10 tahun, jadi 24 tahun sampai sekarang. Saya ingin bertanya, rakyat ingin bertanya, hingga bila? Alasan-alasan yang begitu nampaknya tidak logik.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, perbicaraan di Mahkamah-mahkamah Rendah seperti saya katakan tadi sekarang dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan. Saya tidaklah boleh seperti saya kata tadi memberi maklumat satu tarikh dan sebab-sebabnya saya telah terangkan tadi.

Berkenaan dengan perbicaraan masa belum perang dahulu adalah berlainan keadaannya dengan perbicaraan sekarang ini. Sebelum perang dahulu undang-undangnya tidaklah begitu banyak, tidaklah seperti sekarang undang-undangnya bertambah dengan banyak, buku-buku rujukan (reference) pun bertambah dengan banyak, buku-buku kes pun banyak bertambah, jadi sebab itulah kita tidak boleh membuat bandingan dengan perbicaraan sebelum perang, keadaannya berlainan sama sekali.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat kata susah hendak mendapat penterjemah. Saya ingin tahu mengapa di Indonesia boleh diadakan semua bahagian untuk diterjemah.

Yang kedua, tidakkah boleh di Malaysia ini ditubuhkan satu badan penterjemah dengan secepat mungkin supaya dapat diadakan terjemahan itu dengan sewajarnya?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, di Indonesia pun mereka mengambil masa dan di sana lainlah sebab pelajar-pelajar undang-undang di sana jauh lebih ramai daripada kita di sini. Mengenai sama kita tubuh jawatankuasa, itu memang sudah ada pada masa sekarang ini untuk menterjemah undang-undang yang ada.

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA

5. Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kasim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah rancangan-ancangan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, yang mana kutipan derma melalui zakat fitrah setahun sekali (dengan bayaran \$1.00 sekeluarga); dan adakah kutipan derma ini dapat sambutan dari umat Islam di tiap-tiap

Negeri di Malaysia, kalau tiada sila nyatakan negeri mana dan kenapakah kutipan derma tersebut dari tahun ke tahun semakin merosot;

- (b) adakah dibentuk satu lembaga atau jawatankuasa untuk mengendalikan perkara ini; dan
- (c) di manakah wang amanah ini dilaburkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa di antara rancangan-rancangan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia ialah:

- (1) Projek ladang kelapa sawit di Trengganu dengan usaha sama Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah, Yayasan Islam Trengganu dan Yayasan Trengganu sendiri.
- (2) Hospital Islam masih di dalam proses penubuhannya.
- (3) Pengeluaran biasiswa untuk penuntut-penuntut perubatan sebagai langkah persediaan ke arah mewujudkan hospital Islam. Biasiswa ini bernilai \$3,200 setahun. Pada tahun 1981 seramai 4 orang penuntut yang diberi biasiswa yayasan di mana semuanya bernilai \$83,200 untuk mengikuti kursus-kursus perubatan selama enam tahun.
- (4) Mengimport dan mengeluarkan daging halal - Halal Meats Sdn. Bhd.

Rancangan ini adalah kerjasama di antara yayasan dengan Jabatan-jabatan Ugama Islam Negeri-negeri. Rancangan ini bagaimanapun belum menampakkan kemajuan yang pesat lagi dan sebenarnya masih di dalam peringkat perancangan. Sambutan orang ramai kepada kutipan derma untuk yayasan ini kurang menggalakkan. Ini kerana kurangnya publisiti dari media-masa yang menyebabkan orang ramai tidak begitu jelas mengenai konsep dan tujuan penubuhan yayasan ini.

Di samping itu pula terdapat kutipan-kutipan derma untuk Tabung Yayasan yang diwujudkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun pihak yayasan ini sedang berusaha memperkembangkan jentera

pentadbirannya untuk menyebarkan makluman mengenai tabung yayasan ini seluas-luasnya.

Ahli-ahli lembaga bagi amanah Tabung Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia terdiri daripada mereka seperti berikut:

- (1) Y.B. Dato Seri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa—Yang di-Pertua.
- (2) Y.B. Tan Sri Dr Arshad Ayub—Timbalan Yang di-Pertua.
- (3) Yang Amat Mulia Tengku Seri Indera Raja—Pemegang Amanah.
- (4) Y.B. Tan Sri Abd. Aziz Zain—Pemegang Amanah.
- (5) Y.B. Dato Ahmad Hashim bin Mat Piah—Pemegang Amanah.
- (6) Encik Shamsuddin bin Shahabuddin—Pemegang Amanah.

Wang Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia disimpan di Bank Bumiputra, Jalan Melaka, Kuala Lumpur.

MURID-MURID PEKAK

6. Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan orang cacat khususnya orang pekak dan bisu yang mengikuti sekolah latihan yang disediakan oleh Kerajaan dan jumlah tenaga guru-guru khas yang mengajar mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, bilangan murid-murid pekak yang belajar di sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran adalah sebanyak 1,500 orang murid. Mereka ditempatkan di Sekolah Kanak-kanak Pekak Persekutuan Pulau Pinang yang menampung seramai 370 orang murid dengan bilangan guru-guru seramai 39 orang. Di samping itu, kelas-kelas khas juga disediakan di 60 buah sekolah biasa peringkat rendah dan menengah dan di bawah rancangan ini seramai 1,200 orang murid sedang mengikuti kelas-kelas tersebut dengan tenaga guru seramai 120 orang.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu di mana latihan yang dibuat untuk guru-guru ini berlatih menerima pelajaran ataupun latihan khas sama ada di luar negeri ataupun di dalam negeri?

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan guru-guru ini dilatih di dalam negara iaitu di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau disebut kanak-kanak cacat kita berasa simpati yang amat sangat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran patut dipuji kerana mengambil inisiatif menolong mereka. Saya suka bertanya, ada berapa jenis penyakit kanak-kanak cacat dalam tanahair kita ini, misalnya pekak, bisu dan lain-lain; saya tidak tahu berapa jenis.

Yang kedua, adakah terdapat ahli-ahli pakar yang berkenaan psychologists dan sebagainya di dalam negara kita ini yang dapat dibenteras supaya tidak banyak kejadian ini, bibit-bibit yang akan datang mengeluarkan anak-anak yang cacat seperti ini atau dari sumber mana yang menyebabkan. Kita tahu ini semua takdir Illahi tetapi mengikut penyiasatan psychologist, ahli-ahli pakar kesihatan kita.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu tidak patut bertanya saya soalan tentang apakah jenis-jenis penyakit otak ini patut ditanyakan kepada pakar dalam bidang ini.

Keduanya berhubung dengan sakit otak ini, rasa saya tidak ada siapa yang boleh memberi jaminan tentang perkara ini, umpamanya dalam negara Amerika nampaknya lebih banyak bilangan psychiatrist dan psychologist tetapi lebih banyak penyakit otak di sana.

GURU-GURU KATEGORI B1 DAN B2

7. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai guru-guru B1 dan B2 yang masih ada

sekarang dan berapa ramai yang telah diserapkan ke C2 selepas peluang dibuka untuk guru-guru tersebut mengambil peperiksaan Bahasa Malaysia.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, jumlah guru-guru Kategori B1 dan B2 yang sedang berkhidmat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah seramai 16,512. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak ada guru Kategori B1 dan B2 yang telah diserapkan ke Kategori C2. Walau bagaimanapun, guru-guru Kategori B1 dan B2 adalah layak untuk memohon dilantik ke Kategori C2 sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat tertentu seperti yang dinyatakan dalam surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bil. 1 Tahun 1980 bertarikh 2hb April, 1980. Setakat ini seramai 600 orang guru Kategori B1/B2 yang sudah pun dilantik ke Kategori C2.

JALAN BERLUBANG-LUBANG— IBUKOTA MALAYSIA

8. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat jalan-jalan yang berlubang-lubang di sekitar Ibukota dan kerap kali apabila pihak tertentu mengorek jalanraya berkenaan kerja menampal lubang yang dikorek dibuat dengan tidak memuaskan dan jika sedar nyatakan tindakan beliau akan ambil supaya jalanraya-jalanraya berada dalam keadaan baik selalu.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang adanya beberapa jalanraya di Kuala Lumpur ini yang rosak dan berlubang-lubang akibat dikorek oleh kontraktor-kontraktor yang melakukan kerja-kerja menggali jalan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan memastikan supaya jalan-jalan yang dikorek itu dibaiki semula dengan segera, untuk kesenangan pengguna-jalanraya.

Untuk mengurangkan masalah mengorek jalan ini yang kadangkala tidak dilakukan dengan teratur, jabatan-jabatan yang terlibat seperti Dewan Bandaraya, Telekom, Jabatan

Kerjaraya, L.L.N., Jabatan Kerja Air dan lain-lain menubuhkan sebuah "Jawatankuasa Penyelaras" yang bertujuan untuk menyelaras, mengawal serta mengurangkan Kerja-kerja mengorek jalan di Ibukota ini. Jawatankuasa Penyelaras ini mengadakan mesyuarat tiga bulan sekali untuk membincang dan membuat perturan masalah mengorek jalan tersebut. Dengan adanya "Jawatankuasa Penyelaras" ini adalah diharapkan kerja-kerja mengorek jalan di Ibukota ini akan dilakukan dengan lebih teratur dan jalan-jalan yang dikorek itu dapat dibaiki dengan seberapa segera. Selain dari itu Kerajaan juga menentukan bahawa jalanraya-jalanraya di Ibukota ini diselenggarakan dan dibaiki apabila terdapat kerosakan. Jabatan Kerja Awam mempunyai satu Unit Khas bagi mengendalikan kerja-kerja membaiki kerosakan-kerosakan kecil jalanraya-jalanraya.

Dewan Bandaraya juga akan menuntut bayaran ganti kepada Jabatan 1 Agensi berkenaan sekiranya kerja-kerja pembaikan semula jalan tidak dilaksanakan dengan betul oleh Jabatan/Agensi tersebut atau oleh kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja bagi pihak mereka.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Walaupun jawapannya telah memuaskan kita, khususnya Ahli yang bertanya, tetapi saya ingin bertanya kenapakah pihak yang berkenaan itu terlalu lambat memproses pelaksanaan sesuatu kawasan bagi memperbaiki jalan-jalan yang berlubang itu, kadang kala kita lihat jalanraya di Ibukota menjadi sesak. Sungguhpun saya tak suka hendak contohkan dengan negeri lain, tetapi kalau dibandingkan dengan Singapura, jauh benar kita hendak jumpa jalan seperti di Ibukota kita. Jadi, saya ingin tahu kenapa perkara berkenaan terlalu lambat diproses?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkara memproses pembaikan jalan ini tak timbul langsung. Sebenarnya kalau hari ini dikorek, hari ini juga jalan itu dibaiki, tetapi di Kuala Lumpur ini sebagaimana kita tahu bahawa kerja-kerja pembinaan terlalu banyak, tiap-tiap hari berlaku kerana kota raya Kuala Lumpur

adalah kota raya yang pesat membangun. Singapura adalah kota yang sudah lama membangun melainkan di pinggir kota di mana kawasan perumahan wujud. Bagi kita di tengah-tengah Ibukota dengan pembangunan yang pesat, dengan bangunan-bangunan yang besar yang memerlukan penyambungan kabel, wayer dan macam-macam sambungan diperlukan, maka mengakibatkan kerja-kerja jalanraya itu dikorek dan dalam hal ini ada pula percanggahan antara keutamaan agensi-agensi yang menjalankan kerja-kerja itu. Kadang-kadang terdapat sangat susah untuk mendapatkan mereka itu mengorek jalan pada waktu yang sama, mereka ada keutamaan yang tersendiri. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Penyelaras inilah yang kita harap akan dapat menentukan kerja-kerja yang lebih berkesan dalam menyelaraskan kerja korek jalan itu supaya kesesakan lalu-lintas, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebut tadi dapat dikurangkan.

MAS - PERKHIDMATAN KUALA LUMPUR/MELAKA

9. Tuan Loh Kee Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan Negeri Melaka sedang berkembang dari segi perindustrian dan pelancungan sama ada beliau bercadang supaya bilangan perkhidmatan penerbangan kapalterbang dari Subang ke Batu Berendam (Melaka) dapat ditambah.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang pihak MAS mengadakan penerbangan F27 sebanyak 2 kali seminggu dari Kuala Lumpur ke Melaka dan terus ke Johor Bharu (pergi dan balik). Oleh kerana bilangan penumpang yang menaiki penerbangan ini dari Kuala Lumpur ke Melaka adalah sedikit bilangannya (7 - 8 hari penumpang bagi satu-satu penerbangan), maka MAS belum mempunyai rancangan untuk menambahkan perkhidmatan F27 pada sektor ini. Walau bagaimanapun, pada masa ini MAS adalah dalam proses mengkaji kemungkinan untuk mengadakan

penerbangan tambahan yang menggunakan pesawat kecil pada sektor Kuala Lumpur dan Melaka ini.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab perkhidmatan itu tidak begitu baik dan jalanraya dari Kuala Lumpur - Melaka bagus, adakah Kerajaan bercadang supaya ditutup perkhidmatan penerbangan itu dan kita alihkan ke bandar-bandar yang lebih perlu, umpamanya, Temerloh - Kuala Lumpur atau lain-lain tempat yang difikirkan manasabah supaya wang rakyat selamat dan usaha MAS tidak sia-sia dan Menteri tidak kena tanya berbilang kali?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju bahawa perkhidmatan di antara Kuala Lumpur - Melaka itu tidak baik, perkhidmatan baik, tetapi permintaan (demand) tidak ada. Berkenaan dengan syor Ahli Yang Berhormat bahawa perkhidmatan Kuala Lumpur - Melaka dihapuskan, Kementerian akan memberikan pertimbangan berat cadangan Ahli Yang Berhormat dan akan mengambil perhatian syor Yang Berhormat yang lain.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Soalan tambahan, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan jangan mengatakan ini soalan lain. Dalam masalah perkhidmatan MAS apabila disebut perkhidmatan MAS di sini, ingin saya bertanya tidakkah dapat pihak yang berkenaan dalam bahagian sekuriti diketatkan lagi supaya dengan keadaan sekuriti yang ketat itu tidakkah dapat berlaku perkara yang kita tidak ingini berlaku. Soalan saya dapatkah Timbalan Menteri memberi jaminan untuk mengetatkan lagi dalam bahagian sekuriti penerbangan MAS itu?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, ini memang soalan lain. Walau bagaimanapun, saya cuba jawab berkenaan dengan pendapat atau syor Ahli Yang Berhormat supaya keselamatan di lapanganterbang di Malaysia perlu diketatkan lagi, izinkan saya menjelaskan bahawa Jabatan Penerbangan Awam sekarang mengadakan satu Bahagian Keselamatan yang telah dilengkapkan dengan pegawai dan kakitangan yang

kerana projek ini telah lama terpendam di bawah Kementerian Yang Berhormat agak hampir 10 tahun, saya hendak bertanya bilakah agaknya projek ini akan diluluskan, dekatkah masanya atau lambat lagi.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tarikh mulanya beca berjentera ini berjalan di negeri Trengganu terpulanglah kepada berapa cepatnya Kerajaan Trengganu memberi kami maklumbalas tentang berapa permit yang patut dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).

FILEM KEGEMARAN RAMAI— BABAK KEGANASAN

14. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Husain minta Menteri Penerangan menyatakan sebab-sebabnya filem kegemaran ramai selalu mengandungi babak-babak keganasan, kegilaan, bersekedudukan, melahirkan anak di luar nikah yang mana akan menyebabkan kemerosotan akhlak anak-anak muda kita.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat): Pegawai-pegawai Lembaga Penapis Filem dan Pegawai-pegawai RTM sentiasa berhati-hati dalam tugas menapis filem untuk tayangan televisyen. Walau bagaimanapun, babak-babak yang mengandungi adegan keganasan, kedegilan dan sebagainya tidaklah boleh dielakkan 100% kerana hampir semua filem-filem kegemaran ramai sedikit sebanyak mengandungi ciri-ciri tersebut. Sedangkan dalam mastika seni budaya negarapun umpamanya cerita Hang Tuah ada babak-babak keganasannya. Apa yang boleh dilakukan oleh Pegawai-pegawai penapis filem hanyalah untuk mengharamkan filem yang mengandungi babak-babak keganasan yang melampau atau membuta-tuli (*excessive violence*). Dalam pemilihan filem kita tidak harus hanya memandangi unsur-unsur keburukannya sahaja tetapi harus juga dikaji unsur kebaikannya secara keseluruhannya. Ada cerita-cerita yang mengandungi sedikit unsur keburukan seperti keganasan tetapi keseluruhan ceritanya

mengandungi nasihat dan nilai-nilai moral yang tinggi. Maka kedua-duanya unsur ini harus dipertimbangkan.

SKIM BIASISWA/DERMASISWA WILAYAH PERSEKUTUAN

15. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengadakan skim biasiswa/dermasiswa membantu penuntut-penuntut Wilayah Persekutuan mengikuti pelajaran tinggi.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Kementerian saya pada masa ini sedang mengkaji untuk mengadakan satu skim biasiswa/dermasiswa sebagaimana yang diadakan oleh Negeri-negeri lain di Malaysia. Tujuan skim ini diadakan ialah bagi membantu penuntut-penuntut terutama mereka yang terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan untuk melanjutkan pelajaran mereka. Rancangan ini adalah berbentuk penubuhan Yayasan Pelajaran Wilayah Persekutuan yang akan mempunyai tabung khas untuk tujuan mengeluarkan biasiswa. Adalah diharapkan wang untuk tabung ini akan diperolehi dari Kerajaan, swasta dan dermawan-dermawan.

Satu kertas kerja mengenai cadangan penubuhan Yayasan Pelajaran Wilayah Persekutuan sedang dipertimbangkan oleh Kementerian saya untuk dilaksanakan. Perbincangan dengan wakil-wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor dan MARA juga telah diadakan, di mana perkara-perkara berikut telah dibincangkan:

- (a) mendapatkan pandangan daripada lain-lain Yayasan Pelajaran;
- (b) cadangan perlantikan ahli Jawatankuasa;
- (c) bidang pengajian yang harus diberikan;
- (d) peruntukan untuk tabung biasiswa; dan
- (e) kelayakan mendapat biasiswa bagi seseorang penuntut.

Yayasan Pelajaran Wilayah Persekutuan akan dilancarkan setelah semua kajian-kajian yang dijalankan itu selesai.

LESEN TEKSI/KERETA SEWA— BILANGAN

16. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan lesen kereta sewa yang telah dikeluarkan dari 1975 hingga sekarang dan berapakah bilangannya bagi tiap-tiap kaum di negeri ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Bilangan lesen teksi/kereta sewa yang telah dikeluarkan dari 1975 hingga sekarang berjumlah 17,404 lesen. Bilangan mengikut kaum tidak dapat diberi kerana di masa yang lepas Kementerian saya tidak ada menyimpan rekod mengikut kaum. Dengan adanya perkhidmatan komputer di Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan, maka besar kemungkinan di masa akan datang rekod-rekod tersebut boleh dibahagikan mengikut kaum.

RANCANGAN KHAS PELAJAR-PELAJAR BUMIPUTRA

17. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan tujuan mengadakan program 'Rancangan Khas' di sekolah-sekolah menengah di negara ini dan nyatakan jumlah murid yang dipilih menyertai rancangan ini semenjak dilancarkan rancangan dan sama ada Kementerian akan meluaskan lagi rancangan ini supaya boleh disertai oleh segenap lapisan rakyat di negara ini.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Program 'Rancangan Khas' dilancarkan bertujuan antara lain memberi peluang kepada pelajar-pelajar Bumiputra yang datang dari kawasan luarbandar mendapat pelajaran dengan kemudahan-kemudahan yang teratur di sekolah-sekolah harian yang terkenal di bandar-bandar. Mereka ini adalah dirancang untuk mengikuti jurusan sains supaya dengan ini Kerajaan dapat memperbanyakkan pelajar-pelajar Bumiputra di jurusan berkenaan di institusi pelajaran tinggi di dalam mahupun di luar negeri.

Pelajar-pelajar yang terpilih untuk mengikuti program ini adalah mereka yang baik dan layak masuk ke sekolah Berasrama Penuh tetapi oleh kerana kekurangan tempat mereka dihantar mengikut program rancangan khas ini.

Semenjak rancangan ini dijalankan iaitu dari tahun 1971 seramai 24,150 pelajar telah terpilih untuk mengikuti rancangan ini.

Kementerian Pelajaran tidak berhajat meluaskan rancangan ini tetapi rancangan yang ada itu akan diteruskan.

MAS—KERUGIAN ANGKA JUALAN HARTA TETAP

18. Dato Haji Mohd Nor Mohamad: minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada betul Sistem Penerbangan Malaysia menanggung kerugian dalam tempoh hujung tahun 1980 dan kerugian ini disusut dengan angka-angka jualan harta tetap.

Dr Goh Cheng Teik: adalah tidak benar bahawa Sistem Penerbangan Malaysia menanggung kerugian dalam tempoh kewangannya 1979/80 dan kerugian ini disusut dengan angka-angka jualan tetap. Akaun Syarikat ini disediakan mengikut aturan dan prinsip yang sah dan mengikut undang-undang. Masalah susut menyusut tidak berbangkit. Akaun itu diodit oleh Juru Odit yang bertauliah dan mahir dalam hal itu dan pemeriksaan itu berpandu kepada aturan dan undang-undang yang berkaitan.

PENGEDARAN BARANG-BARANG TIRUAN

19. Tuan Abdul Razak bin Haji Samah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan yang telah diambil di atas perbuatan meniru alat-alat solek, ubat-ubatan dan pakaian dan apakah tindakan Kerajaan akan di ambil untuk mencegah penipuan ini.

Dato Lew Sip Hon: Kementerian saya sedar bahawa terdapat amalan-amalan pengilangan dan pengedaran barang-barang tiruan di

Berhubung dengan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil itu telahpun dijelaskan seperti soalan pertanyaan Mulut daripada Y.B. Puan Rogayah binti Ariff pada 14-4-1981 yang lalu. Langkah-langkah itu ialah:

- (a) Memberi peruntukan wang kepada tiap-tiap sekolah untuk membeli buku perpustakaan. Peruntukan ini diberi sejak tahun 1974 dan kadar pemberiannya adalah berdasarkan kepada bilangan murid di sekolah masing-masing.
- (b) Semua sekolah rendah dan menengah yang baru dibina ada disediakan bilik perpustakaan dengan dilengkapi alat perabot dan juga sejumlah koleksi buku asas (basic book collection). Sekolah-sekolah lama yang tidak ada bilik perpustakaan boleh membuat permohonan untuk mendapatkan kemudahan perpustakaan.
- (c) Membantu sekolah-sekolah memilih bahan bacaan perpustakaan yang sesuai dengan menyediakan 'Senarai Buku Bahasa Malaysia untuk Perpustakaan Sekolah Rendah dan Menengah' dan juga 'Berita Perpustakaan Sekolah'.
- (d) Menjalankan Projek Perintis Pembelian secara pusat untuk membantu sekolah-sekolah terpilih di luar bandar untuk membeli buku-buku perpustakaan yang sesuai.
- (e) Memberi latihan kepada semua guru perpustakaan untuk membolehkan mereka menguruskan perpustakaan dengan cekapnya. Setakat ini seramai 4,611 orang guru telah mengikuti kursus dalam perkhidmatan mengenai ilmu perpustakaan sekolah.
- (f) Menjalankan satu 'Projek Menggalakkan Penggunaan Perpustakaan Sekolah' untuk 25 buah sekolah terpilih di luar bandar dengan tujuan menjadikan perpustakaan mereka sebagai contoh di kawasan mereka masing-masing. Di samping bahan-bahan bacaan bercetak, perpustakaan di sekolah-sekolah berkenaan juga disediakan alat dan bahan alat pandang dengar.

MAS—PERKHIDMATAN MELAKA-SINGAPURA

26. Tuan Loh Kee Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada perkhidmatan kapal terbang dari Batu Berendam (Melaka) ke Singapura dan sebaliknya dapat dijalankan semula.

Dr Goh Cheng Teik: Pada masa ini MAS belum ada rancangan untuk mengadakan perkhidmatan di antara Melaka dengan Singapura. Penumpang-penumpang dari Melaka yang ingin membuat penerbangan ke Singapura ataupun sebaliknya boleh menaiki penerbangan MAS yang diadakan di antara Kuala Lumpur - Melaka - Johor Bahru (pergi balik) yang diadakan 7 kali seminggu. Penumpang-penumpang yang hendak terus ke Singapura akan dibawa dengan bas dari Lapangan terbang Senai dan juga begitu bagi penumpang-penumpang yang datang dari Singapura boleh dibawa dengan bas ke Johor Bahru untuk penerbangan ke Melaka.

PERCETAKAN DAN RAKAMAN HARAM

27. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah tindakan dan dakwaan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian dalam masalah :

- (i) percetakan haram atas buku-buku dan majalah-majalah; dan
- (ii) rakaman cassetts dan juga video-tape.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Dalam tahun 1980, pihak Polis telah mengambil tindakan terhadap 28 kes-kes percetakan dan rakaman haram. Daripada jumlah ini pecahan-pecahan kes-kes adalah seperti berikut:

- 1 kes percetakan buku haram
- 1 kes percetakan majalah haram
- 8 kes rakaman pita video haram
- 18 kes rakaman keset haram

Dalam tahun 1981, pihak Polis telah bertindak ke atas 3 kes rakaman haram, 1 kes rakaman pita video haram dan 2 kes rakaman keset haram.

Setakat ini 5 kes telah dibicarakan di Mahkamah dan 9 kes lagi akan dibicarakan dalam tahun ini. Sementara sebanyak 18 kes lagi adalah masih dalam siasatan pihak polis.

PAPAN TANDA JUAL MURAH

28. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan beliau akan ambil untuk menentukan bahawa kedai-kedai yang mempamirkan tanda papan jual murah betul-betul menjual barang-barang yang murah dan tidak menjadi satu cara untuk menipu rakyat jelata.

Dato Lew Sip Hon: Kementerian saya melalui Bahagian Penguatkuasa sentiasa melakukan pemeriksaan ke atas kedai-kedai yang mempamirkan tanda papan jual murah untuk menentukan kedai-kedai itu betul-betul menjual barang-barang itu pada kadar yang lebih murah. Setakat ini Kementerian saya telah mengambil tindakan ke atas 27 kes yang melibatkan kesalahan mempamirkan tanda murah yang palsu dan barang-barang yang bernilai \$70,000.00 telah dirampas. Tindakan seperti ini di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 akan terus diambil pada masa-masa akan datang.

MAJLIS SUKAN NEGARA

29. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah bentuk bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada Majlis Sukan Negara sejak ianya ditubuhkan dan apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini oleh Majlis Sukan tersebut dalam usaha untuk meninggikan mutu sukan di negara ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato Mokhtar bin Haji Hashim): Bentuk bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada Majlis Sukan Negara sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1972 adalah berupa pemberian kewangan dan kepakaran oleh pegawai-pegawai khususnya daripada Bahagian Sukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Bantuan-bantuan ini untuk pentadbiran Majlis dan penyelarasan

pertandingan-pertandingan antarabangsa dan penyediaan pasukan-pasukan sukan Malaysia ke pertandingan antarabangsa. Sehingga kini, pemberian kewangan berjumlah kira-kira \$2.591 juta.

Berkenaan dengan kemajuan yang dicapai oleh Majlis setakat ini, perkara ini adalah realitif. Walau bagaimanapun, kita boleh mengukur dengan beberapa kemajuan dan prestasi serta mutu sukan dalam negeri dan di peringkat antarabangsa dalam beberapa ketika kebelakangan ini.

KEBUDAYAAN MELAYU SEBAGAI KEBUDAYAAN NASIONAL

30. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah Kebudayaan Nasional yang berteraskan Kebudayaan Melayu telah diusahakan.

Dato Mokhtar bin Haji Hashim: Proses pembangunan dan perkembangan kebudayaan adalah satu proses yang kompleks dan mengambil masa yang panjang. Ia juga melibatkan penyertaan dan sumbangan serta kerjasama di antara semua golongan masyarakat pada satu pihak dan di antara masyarakat dengan Kerajaan pada satu pihak yang lain. Berpegang kepada hakikat ini, perkara menentukan sejauh mana kemajuan yang telah dicapai adalah satu perkara yang tidak dapat dibuat melalui statistik-statistik atau contoh-contoh fizikal. Walau bagaimanapun, kita dapat perhatikan bahawa perkembangan kebudayaan kita ke arah yang ditujukan menambahkan keyakinan kita iaitu dengan bertambahnya sifat-sifat toleransi dan sifat-sifat perpaduan di antara penduduk-penduduk yang mempunyai berbagai-bagai latar belakang.

Sementara itu, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mencapai objektif-objektif dalam bidang dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah semakin bertambah daripada satu rancangan pembangunan lima tahun kepada satu rancangan pembangunan lima tahun yang lain, khususnya dalam

Saya merasa bimbang melihat disiplin belia-belia sekarang kerana ada sebahagian dari mereka tidak begitu berdisiplin. Peristiwa pergaduhan antara murid-murid sekolah, ponteng kelas, penagih dadah dan penglibatan dengan unsur-unsur budaya kuning adalah sebahagian dari cermin kepada kemerosotan disiplin. Keadaan-keadaan ini dicetuskan oleh akibat putus asa, terlalu mengejar cita-cita tinggi, pertelingkahan nilai-nilai moral, aspirasi perkauman dan peraturan hidup yang tidak ketat. Seandainya keadaan ini dibiarkan berlarutan maka para belia kita akan terus hanyut dan akan mudah menjadi atau dijadikan alat oleh pihak-pihak anti-nasional atau komunis yang akhirnya akan meruntuhkan negara kita. Malangnya masalah-masalah yang dihadapi oleh belia ini tidak dapat diatasi oleh para belia sendiri.

Untuk membendung para belia kita dari terjerumus jauh ke arah kemerosotan disiplin, pada pendapat saya, pendidikan adalah satu-satunya jawapan yang terpenting. Sistem pendidikan kita janganlah terlalu ditumpukan kepada pencapaian duniawi atau janganlah kita lebih memberatkan terhadap kemajuan sekolah hingga pencapaian sijil menjadi ukuran mutlak. Kita sepatutnya di dalam sistem pendidikan hendaklah menumpukan unsur-unsur pembentukan sikap moral dan kepercayaan terhadap agama yang menebal.

Saya sungguh berasa lega di atas ketegasan Kementerian Pelajaran yang telah mengambil langkah-langkah tegas membentuk sebuah Jawatankuasa Disiplin di sekolah-sekolah. Cuma satu hal patut diambil ingatan iaitu apabila berhadapan dengan ibubapa atau waris yang cuba membela anak-anak mereka berkaitan dengan ketidakdisiplin bukan atas dasar disiplin tetapi kerana sifat memanja atau sengaja menyebelahi anak, maka hal yang sedemikian janganlah diberi layanan langsung. Bagi mereka yang telah meninggalkan bangku sekolah dan bergerak di dalam masyarakat, mereka ini akan lebih terbuka kepada suasana yang lebih mencabar dan bebas. Berbagai penceroba akan mereka tempohi seandainya mereka ini dibiarkan hanyut bebas, buruk padahnya nanti tentulah parah buat mereka dan negara.

Dalam hal ini, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya saya harap hendaklah memainkan peranan dengan lebih positif. Program dan rancangan yang lebih praktikal untuk membantu belia supaya boleh berdiri di atas kaki sendiri patut diperbanyakkan. Sebagai contoh, latihan-latihan kemahiran di bidang pekerjaan kolar biru hendaklah diadakan di peringkat daerah untuk mereka yang tidak berjaya ke sekolah Teknik dan Vokasional. Manakala di tempat-tempat atau pusat pelancungan juga latihan kesenian ukiran misalnya patut benar dilaksanakan selain daripada apa yang telah Kerajaan lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan disiplin juga, kalau kita perhatikan kelakuan sebahagian rakyat kita di tempat-tempat umpamanya perhentian bas, teksi kelihatan perkara-perkara yang menjolok mata; ramai yang berebut-berebut ketika hendak menaiki bas atau lain-lain kenderaan. Begitu juga sama semasa hendak mengambil borang-borang rumah misalnya, ada kadangkala pihak FRU terpaksa dipanggil untuk mengawal keadaan yang akan berlaku yang tidak menyenangkan. Ini adalah membayangkan betapa rakyat kita yang tidak begitu berdisiplin. Masing-masing mementingkan diri sendiri, tidak mahu mengikut peraturan.

Oleh yang demikian, saya amat berharap kepada pihak Kerajaan dalam membina sikap berdisiplin ini hendaklah menjalankan kempen-kempen berdisiplin sebagaimana juga kita pernah mengadakan kempen Bulan Bahasa, Kempen Kebersihan dan sebagainya. Selanjutnya, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sentuh tentang disiplin di kalangan para pegawai-pegawai Kerajaan kita. Memang kita akui pegawai Kerajaan Malaysia adalah golongan yang paling bernasib baik kerana mendapat layanan istimewa dari pihak Kerajaan jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai negara lain. Mereka selalu mendapat kenaikan gaji, elaun dan berbagai-bagai kemudahan dan sehingga kini perkhidmatan yang telah mereka curahkan kepada negara amat membanggakan kita, sungguh cemerlang dan sungguh memuaskan. Syabas diucapkan kepada mereka, namun begitu

saya rasa masih ada ruang lagi untuk dibuat pembaikan. Bagi menjaga nama baik Kerajaan dan perkhidmatan awam seterusnya serta mendatangkan keuntungan kepada rakyat saya harap pihak Kerajaan dapat memperkemas peraturan dan tindakan-tindakan terutama ke atas pegawai Kerajaan yang tidak berdisiplin di dalam tugas-tugas mereka.

Kita akan bertuah dan mahu melihat pegawai-pegawai kita menjalankan tugas mereka dengan penuh bertanggungjawab dan lebih dedikasi. Berhubung dengan ini, saya ataupun kita tidak mahu lagi melihat mana-mana pegawai menjalankan tugas separuh hati melibatkan diri dengan kegiatan sampingan yang bertentangan dengan kepentingan profession mereka. Kita juga tidak mahu melihat adanya pegawai-pegawai yang menjalankan tugas melengah-lengah dan ikut sesuka hati, bagi menjaga jentera pentadbiran kita berjalan dengan licin dan sempurna.

Tawaran kenaikan pangkat sahaja tidak akan mencukupi. Pihak Kerajaan sepatutnya menubuhkan pasukan petugas untuk melakukan lawatan-lawatan mengejut ke pejabat-pejabat Kerajaan untuk memerhati, meneliti dan mendapatkan maklumat yang tidak memuaskan untuk dibuat pembetulan terutama di mana atau bila berlaku penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya ingin saya sentuh sedikit mengenai masalah perumahan. Walaupun perkara ini bukanlah perkara baru dan sering pula dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi oleh kerana perkara ini adalah satu perkara yang serius maka saya suka bangkitkan lagi. Kebetulan rakyat akan menghadapi masalah perumahan bukanlah hanya rakyat di bandar-bandar malahan juga penduduk di kampung ataupun di luar bandar. Di kampung sekarang penduduk mendapati kesusahan untuk membina rumah disebabkan kenaikan harga kayu kayan yang melambung lebih daripada 400%. Kalau tiga atau empat tahun dahulu sekeping papan yang berharga \$1 sekarang sudahpun meningkat kepada \$4 lebih sekeping. Oleh yang demikian, melalui Dewan yang mulia ini saya menyeru agar pihak Kerajaan mengambil langkah dengan

sewajarnya mengenai kenaikan harga kayu yang melampau ini. Pihak Kerajaan patutlah menghadkan atau mengurangkan jumlah eksport kayu kayan ke luar negeri demi kepentingan pengguna-pengguna di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lima minit lagi.

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Tidak ada gunanya kita mendapat pertukaran wang luar negeri dengan banyaknya tetapi di sebalik itu rakyat kita susah berdiri dan memiliki rumah sendiri terutama mereka yang tinggal di luar bandar.

Saya juga ingin mengesyorkan supaya pihak Kerajaan menubuhkan sebuah Lembaga Perumahan untuk menolong Kerajaan mengatasi masalah perumahan di negara kita. Dengan adanya badan khusus ini setidak-tidaknya dapat mengurangkan tanggungjawab Perbadanan Kemajuan Negeri yang susah kerana banyak menjalankan aktiviti-aktiviti perumahan dan perekonomian. Di samping itu juga, saya merayu agar pihak Kerajaan mengambil perhatian berat dan bersungguh-sungguh ketika melaksanakan pemberian rumah-rumah kepada pengguna supaya jangan berlaku ketidakadilan seperti kata orang yang tidak berhak mendapat rumah dan ada pihak yang menjadi senang atau kaya cepat melalui perumahan-perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah ugama, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telahpun membangkitkan soal kafir-mengkafir di kalangan umat Islam. Perkara ini tidak mungkin dibangkitkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda seandainya tidak serius. Kerana perkara kafir-mengkafir ini bukan sahaja mendatangkan keburukan di dunia bahkan juga di akhirat maka adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa mengambil berat akan masalah ini. Perkara yang patut dikaji sekarang ialah mencari punca mengapa perkara ini terjadi. Sekiranya ianya bermotif atau bertujuan politik yang jahat maka tindakan keras patut diambil demi memelihara ketenteraman umat Islam dan keselamatan negara. Tindakan tegas seperti

juga berharap semoga Kerajaan juga tidak mengabaikan soal kebajikan anggota tentera dan tanggjawab mereka.

Saya ingin pula menyentuh mengenai kesihatan di negara ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas kejayaan memberi satu taraf kesihatan yang baik di negara ini. Saya berharap semoga segala kemudahan-kemudahan rawatan dan pencegahan penyakit akan dapat dilancarkan. Di samping itu Kerajaan hendaklah juga menambah kelengkapan perubatan yang moden sesuai dengan kehendak negara, lebih banyak pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik hendaklah diadakan khasnya di luar bandar.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini mengesyorkan supaya Ahli-ahli Parlimen baik Ahli-ahli Dewan Negara baikpun Ahli-ahli Dewan Rakyat menggunakan pakaian seragam (uniform) semasa menghadiri Majlis-majlis rasmi umpamanya persidangan Parlimen. Dengan memakai uniform ini Ahli-ahli Parlimen akan lebih memperlihatkan personaliti dan kewibawaan seorang Ahli Parlimen itu dan dengan ini akan dapat berkhidmat dengan lebih dedikasi dan sempurna.

Saya ingin pula bercakap mengenai perpaduan rakyat dan penyertaan rakyat di dalam projek Kerajaan. Sepertimana yang kita maklum sebagai sebuah negara yang multi-racial seperti Malaysia ini perpaduan rakyat adalah penting untuk kita membina sebuah negara yang aman dan maju. Dalam soal ini segala usaha Kerajaan seperti menubuhkan Majlis Perpaduan Negara, Majlis Muhibbah dan Majlis Perhubungan Masyarakat adalah dialu-alukan. Usaha-usaha seperti ini hendaklah diteruskan lagi dan Kerajaan juga hendaklah mengawasi serta mengawal supaya badan-badan seperti ini tidak lari matlamat dan tujuan mereka yang sebenar.

Mengenai penyertaan rakyat di dalam projek Kerajaan pula, saya rasa amatlah mendukacitakan. Saya berpendapat bahawa jumlah mereka yang menyertai dan memberi kerjasama di dalam rancangan-rancangan atau projek-projek yang dilancarkan oleh Kerajaan adalah sangat kurang. Dalam soal ini Kerajaan hendaklah mencari jalan untuk

memberi galakan kepada rakyat untuk turut sama di dalam projek-projek yang dilancarkan oleh Kerajaan khasnya untuk kebaikan dan kemajuan negara yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

Tuan V. V. Aboo: Akhir sekali, saya dengan ini menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Sulaiman bin Ninam Shah.

4.15 ptg.

Dato Sulaiman bin Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka dapat mengambil bahagian dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bagi pihak saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia yang memberi ucapan cukup bernas terutama sekali ditujukan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ialah perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Saya terpaksa memotong banyak ucapan saya ini oleh sebab masanya tidak mengizinkan, cuma 20 minit sahaja; dengan sebab itu saya mengambil seberapa ringkas yang boleh.

Penyelenggaraan Dasar Ekonomi Baru yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia ini saya nampak cukup-cukup memberi puas hati kepada rakyat jelata jika sekiranya Dasar Ekonomi Baru ini dapat dijalankan dengan mengikut peraturan yang tertentu, Insya Allah dalam tahun 1990 cita-cita Kerajaan 30-30-40 itu dapat dicapai. Tetapi gejala-gejalanya pun ada juga. Satu daripadanya saya berharap minta pada pihak Kerajaan supaya dapat menubuhkan satu Jawatankuasa peringkat tertinggi yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Oleh sebab banyak peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha orang Melayu sekarang ini, orang bumiputra telah maju ke hadapan. Maka ada setengah-setengah, saya bukan mengata semua; ada satu dua atau setengah-setengah badan-badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan menjalankan perniagaan telah menyelerweng daripada dasar Kerajaan.

Umpamanya, kalau sekiranya dia mengeluarkan tender-tender dan sebagainya, pilih kasih kepada orang yang sayang, orang yang ada berkait, orang ini diberi keutamaan. Di mana peniaga-peniaga bumiputra hendak mengadu? Ini sebab saya katakan cara ini ada berjalan sekarang. Cara mana mereka hendak mengatasi mesti ada satu tempat pergaduan. Ini daripada Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia dapat hal ini. Tidak ada satu tempat sekarang ini hendak mengadu. Jikalau JKR keluar, atau UDA keluar ataupun PKNS ataupun Perbadanan Negeri Johor; kalau kita mengadu kepada beliau, memang tidak dapat layanan.

Untuk hendak mengatasi masalah ini Kerajaan hendaklah menubuhkan satu jawatankuasa peringkat Menteri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, di sinilah orang Melayu yang tidak puas hati khasnya bumiputra yang tidak puas hati dapat mengadu langkah-langkah sebahagian daripada perbadanan-perbadanan ini yang sudah menyeleweng daripada dasar menguntungkan, membuncitkan kecek setengah-setengah pihak tidak ada demokrasi berjalan dengan betul, tidak ada keadilan dengan betul. Cakap ini ringkas sahaja. Saya harap dapat perhatian pihak Kerajaan.

Yang kedua, saya cuba juga bercakap di sini dalam perkara sewaktu kita melangkah ke dekad kedua Dasar Ekonomi Baru serta menjelang Rancangan Malaysia Keempat kita mempunyai kepercayaan bahawa dalam masa yang tidak begitu lama lagi negeri kita akan mencapai satu tingkat kemajuan ekonomi yang lebih makmur dan moden. Perkembangan pesat ini saya percaya akan berlaku dalam sektor perkilangan, pembinaan dan juga lain-lain sektor ekonomi kita. Memandangkan kepada peluang serta cabaran yang begitu luas di dalam ekonomi kita, kita haruslah melihat beberapa perkara yang dianggap perlu seperti inflasi dengan lebih mendalam supaya segala perkembangan yang kita akan tempuh tidak menghadapi kesulitan yang tertentu.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya anggap patut diambil perhatian seperti penyertaan kita sekarang ini, kita

sedar bahawa perkembangan perniagaan runcit pada hari ini mengalami perubahan di mana telah terdapat supermarket dan minimarket terutamanya di bandar-bandar besar di Semenanjung ini tumbuh di merata tempat. Perkembangan supermarket ini walaupun mempunyai peranan yang menarik tetapi patutlah juga disadari oleh Kerajaan bahawa masih begitu ramai orang-orang di Malaysia yang bergantung kepada pendapatan dan perniagaan runcit tradisional yang ada sekarang. Jadi, kalau Kerajaan membenarkan satu-satu bandar ini didirikan terlampau banyak supermarket maka akibatnya perniagaan yang digalakkan oleh Kerajaan — iaitu perniagaan tradisional bumiputra membuat kedai sebiji-biji ini akan hapus pada masa akan datang. Dari itu patut Kerajaan menyekatkan berapa patut satu-satu bandar diadakan supermarket dan jangan diadakan dengan sewenang-wenangnya sahaja.

Perkara yang kedua ingin saya menyentuh pada ketika ini ialah berkait dengan kemudahan kredit yang terdapat dalam masyarakat di Malaysia terutama kepada sektor perniagaan. Saya sedar bahawa inflasi adalah satu masalah yang perlu dikawal dengan seberapa rapi dan dalam hal ini saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Yang telah mengambil langkah yang begitu menasabah daripada segi untuk menstabilkan tingkatan harga di negeri kita. Tetapi satu perkara yang ingin saya menyentuh dalam hal ini ialah mengenai dasar bunga (policy on interest rate) yang sedang berlaku berkait dengan dasar kawalan tingkatan harga di masa sekarang. Seperti yang kita maklum kadar bunga adalah harga bagi pengguna modal. Pihak yang hendak menggunakan modal terutamanya sektor perniagaan bersedia untuk membayar satu kadar bunga jika ia boleh memperoleh modal tersebut. Ini bererti pengusaha-pengusaha lebih bersedia membayar kadar bunga yang tinggi jika ia boleh memperoleh modal tersebut. Dalam keadaan sekarang pengusaha-pengusaha menghadapi kesukaran kerana modal begitu sukar untuk diperolehi daripada sistem bank, Dalam konteks ini saya tidak menyalahkan bank-bank perdagangan kerana mereka juga memerlukan keuntungan di dalam perniagaannya. Dengan dasar kadar

bunga yang ada sekarang yang saya anggap rendah sudah semestinya menyukarkan bank perdagangan ataupun lain-lain institusi tabung untuk memperolehi sumber simpanan dari masyarakat. Perlu juga saya menyentuh di sini bahawa akibat daripada keadaan inflasi yang sedang berlaku sejak beberapa waktu lampau, keinginan anggota-anggota masyarakat untuk menabung semakin merosot apatah lagi dengan kadar bunga yang rendah sekarang. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa kewangan seharusnya mengkaji dengan teliti mengenai kadar bunga yang ada sekarang supaya ia bukan sahaja menggalakkan lebih ramai lagi orang-orang menabung bahkan dengan tabung yang telah bertambah itu nanti akan membolehkan bank-bank perdagangan dan juga lain-lain institusi tabung mengeluarkan pinjaman atau memberi kredit kepada sektor perniagaan dan sektor pengutip yang lain.

Secara ringkas saya mengatakan bahawa kadar bunga sekarang adalah tidak bersesuaian daripada segi dasar untuk melibatkan harga melalui kurang perbelanjaan oleh orang ramai dan juga daripada segi dasar untuk meluaskan kegiatan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan sekarang ini terutama sekali kepada peniaga bumiputra tidak boleh dapat meminjam daripada bank, dengan alasan ada setengah-setengah bank dalam negeri ini mengatakan kadar yang ditetapkan oleh Bank Negara pinjaman kepada bumiputra 17%, kuota sudah cukup, duit dia tidak ada lagi dan tidak dapat bumiputra pinjam, tetapi ini salah. Saya baharu dua hari yang lepas iaitu rombongan Dewan Perniagaan Melayu dapat berjumpa dengan Gabenor Bank Negara. Kata beliau yang ditetapkan kepada bank serendah-rendahnya (minima) 17%. Jadi maknanya bank boleh beri pinjam kepada bumiputra seberapa banyak yang boleh, ini ada kekeliruan. Bank Negara telah menentukan pinjaman minima sebanyak 17% yang mesti dipatuhi oleh keseluruhan bank perdagangan pada 31hb Disember, 1980. Sementara jumlah pinjaman yang diberi kepada bumiputra pada akhir tahun 1980 ialah 18.6%. Daripada keseluruhan pinjaman yang belum dijelaskan walaupun jumlah 18.6% ini yakni berjumlah \$3,885.8 juta

adalah lebih besar daripada syarat minima yang diperuntukkan tetapi jumlah ini adalah tidak mencukupi. Jadi pihak Dewan Perniagaan Melayu berharap Bank Negara dapat bertanya balik supaya menetapkan minima ini bukan 17% sekurang-kurangnya 25%, jadi hendak tak hendak ada setengah bank ini berdalih mengatakan 17% sudah cukup sekurang-kurangnya dia dapat menaikkan lagi 8% kepada 25% ini menyenangkan bumiputra dapat pinjam daripada bank. Adalah diharapkan kalau ada kajian daripada Bank Negara supaya permohonan bumiputra untuk mencapai target 30% selewat-lewatnya tahun 1990 ini jangan ditolak pinjaman yang menasabah dan patut diberi pinjam itu, jangan mengatakan kuota ini sudah tidak ada duit, duit sudah habis, beri pinjam supaya target yang ditetapkan oleh Kerajaan tahun 1990 itu akan dapat dipenuhi. Ini harapan daripada pihak Dewan.

Lagi satu perkara yang saya patut sentuh di sini ialah masalah kekurangan pekerja. Masalah kekurangan pekerja ini memang sudah terasa sangat oleh sebab banyak factory telah ada, terutama sekali di negeri Johor, Tuan Yang di-Pertua. Kita dapat tahu memang betul banyak orang-orang daripada Indonesia masuk dengan cara haram dengan tidak mengikut peraturan dan Kerajaan tidak menghalang orang-orang daripada Malaysia bekerja di Singapura lebih kurang 300,000 orang, pergi ke Saudi Arabia dan lain-lain negeri lagi. Apa salahnya Kerajaan memikirkan supaya dapat membenarkan orang-orang daripada Indonesia ini masuk dengan secara halal dengan ada work permit dan sebagainya. Sampai masa dia bekerja di sini cukup dua tahun atau tiga tahun dia mesti balik. Demikian juga dibenarkan orang-orang daripada Thailand masuk secara halal, bekerja memotong padi dan sebagainya, sebagaimana yang berjalan sekarang ini di sebelah utara. Sampai masa habis potong padi dan sebagainya dia boleh balik ke tanahairnya, bukan kita hendak mereka tinggal di sini.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya patut sangat Kerajaan menimbangkan perkara ini kerana kalau orang ini masuk dengan cara yang sekarang, bekerja sepertimana sekarang, tidak ada work

permit, tidak ada pasport dan tidak ada apa—ada juga sebahagian daripadanya melakukan kesalahan jenayah dan sebagainya, susah Kerajaan hendak kawal, daripada mereka masuk ke dalam negara kita cara begitu lebih baik kita kawal. Ini pada pendapat saya.

Saya tidak hendak becakap dengan panjang lebar dalam Majlis yang berbahagia ini, lagi sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana membenarkan saya berucap dan saya menyokong dan memberi tahniah yang tinggi atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai.

4.31 ptg.

Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan terima kasih saya kerana diberi peluang untuk berucap sepatah dua kata dalam perbahasan ini.

Pertama sekali, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini betapa gembiranya saya melihat Tan Sri sebagai Yang di-Pertua baru kita. saya telah mengenali Tan Sri lebih daripada 30 tahun dan saya yakin beliau akan menunaikan tugas jawatan barunya dengan cakap dan sempurna dan saya berdoa semoga Tan Sri sentiasa dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Yang kedua, saya ingin juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin kerana dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada hari Isnin, 13hb April, 1981.

Tuan Yang di-Pertua, adalah nyata bahawa pesanan yang disampaikan dalam Titah Ucapan Diraja memberi satu gambaran mengenai masa hadapan negara kita.

(Dengan izin) It is a crystal clear message of the future and we should all heed our King's advice.

Adalah jelas tujuan utama Kerajaan kita ialah untuk mencapai perpaduan negara dan untuk meningkatkan lagi taraf hidup rakyat jelata. Di sini semangat perpaduan dan

persefahaman yang kukuh adalah mustahak sekali.

The spirit of unity and mutual understanding between all the people are a must, so too a sense of belonging and togetherness, for you would agree, Sir, that where material interests clash, it is no rare thing for the friend of yesterday to change completely into the foe of today.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin merayu kepada Kerajaan kita supaya tidak menafikan kedudukan kumpulan minority dan meneruskan dengan rancangan untuk memajukan kedudukan mereka kerana adalah menjadi kewajipan kita semua di Dewan yang mulia ini memberi sokongan yang sepenuhnya kepada Kerajaan kita di dalam usahanya itu. Sokongan kita ini adalah penting untuk menemui cabaran dan perubahan masa hadapan. Ini akan menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang kukuh dan selamat, maju dan makmur seperti keadaan sekarang.

The various measures taken by our Government under the the New Economic Policy are to create a self-reliant and self-sufficient society and to see that we stand on our own feet, as enunciated by our Deputy Prime Minister, Dato Seri Dr Mahathir in Batu Pahat two days ago and also to make our country safe and secure, great and progressive, peaceful and fair to all. Therefore, it behoves us all the more to gird our loins in earnest and give all the support to the Government so that it could meet the challenges and the changes of times. Then and only then could we continue to enjoy peace and prosperity when some of the countries are just now on the down-grade. Above all, we should build on the principle of justice for all. This means finding a way along which all alike may pass to prosperity and enjoy racial harmony, goodwill and mental peace. Peace can only endure if founded on recognition of these facts and facts are facts, we cannot alter them.

Tuan yang di-Pertua, adalah diketahui keamanan yang tidak berasaskan kepada keadilan merupakan sebuah rumah yang dibina di atas pasir. Oleh itu marilah kita berganding bahu untuk menjamin supaya

masa hadapan negara kita lebih baik daripada masa yang lampau dan masa sekarang.

Sir, let us strive for social justice, equal opportunities and unity in diversity. I live in the belief in an ever better tomorrow and the conviction that obstacles exist to be overcome.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kita patut memberi penghargaan kepada Kerajaan kita atas segala kemudahan yang dinikmati oleh rakyat jelata sekarang. Kita harus juga bersyukur kerana Perdana Menteri kita yang amat dikasihi adalah dalam keadaan sihat walafiat kerana usaha-usaha doktor-doktor khas, seorang doktor yang maha kuasa iaitu Tuhan — the great physician of us all.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Menteri-menteri menjawab.

4.34 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dengan menunjukkan minat kepada kegiatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim dan Yang Berhormat Senator Ibrahim Abdullah telah menyentuh tentang keselamatan nelayan-nelayan khususnya di Pantai Timur. Senator Haji Mahmoud Salim seterusnya mencadangkan supaya rondaan Polis Laut diperluaskan dari kawasan 12 batu kepada kawasan 200 batu dari pantai.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat saya memaklumkan bahawa Kerajaan memang sentiasa mengambil tindakan yang tegas dengan mempergiatkan rondaan di kawasan perairan yang sering berlaku pencerobohan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas kapal-kapal negara asing yang didapati mencerooboh dan melakukan kesalahan di perairan kita. Kerajaan juga telah mengambil langkah sewajarnya untuk menyelaraskan operasi agensi-agensi penguatkuasa seperti Polis Marin, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Jabatan Perikanan supaya kawasan perairan kita tidak dicerobohi oleh kapal-kapal negara

asing. Pihak Polis meronda pada dasarnya dalam kawasan perairan Malaysia sejauh 12 batu sahaja dari pantai manakala pihak Tentera pula meronda kawasan yang meliputi zone ekonomi hingga 200 batu jauhnya dari pantai.

Yang Berhormat Senator Ibrahim Abdullah telah menyentuh tentang keadaan keselamatan dan mencadangkan agar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sentiasa bersiap sedia menghadapi ancaman komunis yang semakin bertambah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang berusaha sedaya upaya menentang anasir-anasir komunis dan subversif di negara ini dengan menggunakan undang-undang yang berkuatkuasa sekarang yang dipinda dan ditambah mengikut tuntutan masa, maka Kerajaan yakin kegiatan anasir-anasir komunis dan subversif dapat dikawal.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ishak bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator V.V. Aboo yang telah mengingatkan pihak Kementerian supaya melengkap dan membekalkan Polis dengan senjata moden dan pakaian seragam yang lengkap kerana memanglah ini dasar Kerajaan.

Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim telah menyentuh tentang penjualan pedang yang berukir dengan ayat-ayat al-Quran. Beliau telah melahirkan rasa kesal oleh kerana Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak boleh mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka yang terlibat. Beliau mengingatkan Kerajaan sekiranya perkara ini tidak diambil tindakan segera kejadian yang berlaku di Batu Pahat mungkin berulang lagi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, orang-orang yang menyimpan dan memiliki pedang-pedang tidak memerlukan apa-apa lesen. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pembuat dan pemilik pedang itu kesemuanya di dalam pengetahuan Kerajaan. Jikalau terdapat tanda-tanda yang mereka ini akan membuat kacau bilau maka Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas di bawah mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa

sekarang. Kejadian di batu Pahat bukanlah kerana adanya pedang, kerana dalam peristiwa itu pedang atau alat-alat lain disalahgunakan demikian cara oleh pengikut ajaran menyeleweng. Dalam usaha menghalang berulangnya peristiwa Batu Pahat, kita perlu membentasi ajaran menyeleweng, kerana jika ajaran menyeleweng terus berlaku maka jika tidak ada pedang sekalipun senjata lain boleh digunakan oleh penyeleweng-penyeleweng.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Fadzil yang telah memberi penghargaan kepada pihak Kerajaan kerana berjaya dalam usaha sehingga Musa Ahmad, Pengerusi Parti Komunis Malaya (PKM), balik ke Malaysia.

Mengenai penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri ke atas pihak-pihak yang menimbulkan perkara kafir-mengkafir, saya memberi jaminan tindakan akan diambil jika perkara itu berkembang sehingga mengancam keselamatan negara. Memandangkan kepada keadaan keselamatan dan dasar Kerajaan China yang memisahkan dirinya dari Dasar Parti Komunis China yang menyokong Parti Komunis Malaya yang haram, maka hubungan antara China dengan Malaysia adalah atas dasar hubungan Kerajaan dengan Kerajaan. Kerajaan sentiasa waspada terhadap sebarang ancaman komunis.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran telah mencadangkan supaya Kerajaan mengambil perhatian berat terhadap masalah pendatang-pendatang haram terutama dari Indonesia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah sentiasa mengambil langkah mencegah kemasukan pendatang haram dari mana-mana juga negara termasuk Indonesia. Mereka yang didapati masuk ke negara ini secara haram akan ditangkap, didakwa dan kemudiannya diusir keluar. Adalah tidak benar pendatang haram ini hanya terdapat di Johor sahaja kerana pihak berkuasa telah berjaya menangkap mereka di seluruh negara walaupun jumlah mereka pada satu-satu negeri berbeza-beza. Tindakan-tindakan untuk mendakwa mereka atau menghantar mereka balik telah dan akan terus diambil.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato Sulaiman Ninam Shah yang telah mengeluarkan pendapat untuk mengatur supaya pendatang haram ini dapat dimanfaatkan dengan diberi izin untuk bekerja sementara di dalam negara kita.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran seterusnya telah menggesa Kerajaan supaya memperkemaskan dan memperbesarkan Pasukan Rela supaya semua lapisan rakyat dari berbagai kaum dapat menyertainya bagi menjamin keselamatan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Februari, 1981 jumlah ahli Rela dan Relawati di seluruh negara ialah 320,515 orang terdiri dari berbagai kaum. Bilangan ini diramalkan akan bertambah sehingga setengah juta dalam masa tidak lama lagi. Adalah menjadi tanggungjawab semua rakyat dari berbilang kaum untuk menyambut seruan Kerajaan untuk menjadi ahli Rela. Adalah tidak adil jika Kerajaan disahkan kalauimbangan kaum dalam ahli Rela tidak didapati kerana Kerajaan tidak boleh memaksa seseorang untuk berkhidmat dengan cara sukarela, lebih-lebih lagi jika jawatan bergaji seperti menjadi anggota Pasukan Polis yang bergaji dan bukan sukarela pun tidak mendapat sambutan semua kaum dengan cara yang seimbang. Kerajaan berasa bangga kerana ahli-ahli Rela dan Relawati yang ada sentiasa memberikan khidmat mereka di dalam menjalankan tugas-tugas kawalan dan rondaan bagi menjaga keselamatan dan keamanan kampung terutama di kawasan-kawasan yang sensitif dari segi keselamatan.

Yang Berhormat Senator Ibrahim Abdullah telah mencadangkan supaya Kerajaan memberikan kepada ahli-ahli Rela senjata-senjata yang moden dan bukan senapang patah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ahli-ahli Rela setakat ini telah dibekalkan senapang patah jenis Harrington dan Steven sesuai dengan tujuan senjatapi tersebut dikeluarkan untuk membolehkan ahli-ahli Rela turut menghapuskan musuh-musuh tanaman dan di samping menjaga keselamatan kampung. Bekalan senjatapi

ialah mengikut keperluan semasa sebagaimana yang ditentukan oleh pihak keselamatan. Pihak Rela juga sedang berusaha mendapatkan kemudahan Pasukan Polis untuk melatih ahli-ahli di dalam penggunaan senjata moden. Sementara saya menyentuh mengenai senjata untuk Rela, ingin saya menegaskan di sini bahawa seseorang itu tidaklah digalakkan untuk menjadi ahli Rela jika tujuannya hanya untuk mendapat senjata dan bukan untuk mempertahankan negara dengan sukarela.

Yang Berhormat Senator Tok Pangu Pandak Hamid bin Puteh Jali telah melahirkan rasa kesalnya terhadap tindakan Kerajaan memindahkan Orang-orang Asli ke tempat-tempat yang tidak sesuai. Beliau mencadangkan Kerajaan membeli estet di kawasan luar untuk penempatan semula Orang-orang Asli.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang melaksanakan 5 rancangan pengumpulan semula bagi Orang-orang Asli di kawasan Titiwangsa dalam Rancangan Malaysia Keempat. Enam buah lagi rancangan pengumpulan semula akan dilaksanakan di kawasan Pahang Tenggara.

Soal Orang-orang Asli dipindahkan ke tempat-tempat yang tidak seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator tidak timbul, oleh kerana semua rancangan pengumpulan semula ini telah dirancang dengan teliti dengan bantuan dan kerjasama Perancang Bandar dan Desa dan dijalankan oleh FELCRA. Pihak Kementerian mengharapkan kerjasama Ahli Yang Berhormat untuk mempopularkan rancangan-rancangan ini kepada Orang-orang Asli. Jika ada kegelisahan di kalangan Orang-orang Asli mengenai rancangan-rancangan ini ianya adalah sama dengan kegelisahan yang dialami oleh peneroka-peneroka FELDA sewaktu konsep rancangan FELDA mula diperkenalkan dahulu. Saya yakin rancangan-rancangan yang saya sebutkan tadi akan berjaya sebagaimana kejayaannya rancangan-rancangan FELCRA yang telah dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain telah mencadangkan supaya pihak berkuasa dapat mengambil

tindakan membentaras agen-agen pengedar dadah di negeri ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sememangnya sedang berusaha membentaras kegiatan pengedar-pengedar dadah. Tindakan ini telah sedang dan akan terus diambil oleh agensi penguatkuasa Kerajaan sesuai dengan undang-undang negara. Pandangan serius Kerajaan terhadap ancaman dadah telah menyebabkan Kerajaan menganggap masalah dadah sebagai masalah keselamatan.

Bagi Ahli Yang Berhormat yang tidak menyentuh mengenai pindaan kepada Akta Pertubuhan 1966, saya akan memberi jawapan sepertinya selumayannya apabila pindaan itu dibentangkan dalam Dewan ini nanti dalam persidangan ini juga.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perusahaan Awam.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran serta memberikan pandangan kepada perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Perusahaan Awam. Saya hanya akan menyentuh satu perkara iaitu mengenai masalah pembekalan beras di Sarawak serta masalah mutu beras tersebut seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Latip Dris.

Suka saya menjelaskan bahawa beras-beras yang dibawa ke Sarawak itu adalah beras yang baik. Sarawak mengimport 45% daripada keperluan beras yang terdiri daripada berbagai jenis, iaitu beras mutu tinggi, mutu sederhana, beras hancur dan juga beras gred sample serta beras pulut.

LPN mendapatkan beras yang diimport itu dari beberapa negara dan adalah juga dipastikan bahawa setiap bekalan beras yang diimport itu adalah daripada mutu yang baik terdiri daripada beras baru. Satu perkara lagi yang harus ditegaskan ialah sebahagian dari beras-beras yang dibekalkan di Sarawak adalah disimpan di gudang-gudang di Semenanjung kerana kekurangan kemudahan simpanan di negeri itu. Semasa dalam simpanan beras-beras itu sentiasa

dijaga supaya tidak rosak apabila pemindahan beras ke Sarawak dibuat, beras-beras itu adalah dibersihkan dan dikampitkan semula sebelum diedarkan ke pasaran. Ini dibuat setiap kali beras-beras tersebut sampai ke Sarawak.

Berdasarkan langkah-langkah berjaga-jaga seperti di atas tadi serta usaha daripada pihak LPN untuk sentiasa menjamin mutu dan kebersihan beras, bolehlah saya memastikan bahawa beras yang di hantar ke Sarawak adalah dari mutu yang baik dan sesuai untuk kegunaan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan berbilang terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jabatan Perdana Menteri.

4.50 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran-teguran yang membina yang menyentuh bidang tugas Jabatan Perdana Menteri. Semua pandangan-pandangan tersebut adalah diberi perhatian di mana wajar dan saya tidaklah bercadang untuk menjawab semua teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan satu persatu tetapi hanya akan menyentuh perkara-perkara yang penting yang perlu dijelaskan. Saya sedar ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai perkara-perkara yang mana jawapan-jawapan telah diberi dalam masa soal-jawab.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Latip bin Haji Dris telah membangkitkan perkara yang berkaitan dengan Amanah Saham Nasional dan beliau menyeru supaya had umur memiliki Amanah Saham Nasional dikurangkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun kerana ramai bilangan pekerja-pekerja terdiri di dalam lengkungan umur ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator itu, Kerajaan akan mengkaji

cadangan ini serta implikasinya dan secara prinsipnya Kerajaan akan menurunkan umur kelayakan ini kepada 18 tahun sekiranya didapati sesuai. Kerajaan sekarang sedang membuat kiraan berkenaan bilangan bumiputra yang berumur 18 tahun ke atas bagi mengkaji implikasinya terhadap Tabung Skim Amanah Saham Nasional ini. Sungguhpun demikian berdasarkan had umur sekarang iaitu 21 tahun mereka hanya perlu menunggu 3 tahun lagi sebelum layak untuk menyertai skim ini. Sukalah saya mengingatkan kepada bumiputra yang belum mencapai umur kelayakan ini bahawa mereka tidak perlu risau yang mereka tidak akan dapat menyertainya. Ini ialah oleh kerana skim ini adalah terbuka kepada bumiputra sepanjang masa dan tabungnya adalah tidak terhad dengan harga penjualan unit-unit ini adalah ditetapkan pada kadar \$1.00 untuk seunit sehingga tahun 1990.

Berkenaan dengan memperluaskan lagi kempen di masa media selepas pelancaran-pelancaran Skim Amanah Saham Nasional seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Din Jaafar, sukalah saya menjelaskan bahawa penerangan berkenaan faedah-faedah dari melabur di dalam saham amanah ini dan supaya skim ini tidak disalahertikan oleh rakyat atau mengelirukan mereka sedang dan akan terus dijalankan.

Di samping itu, Yang Berhormat Senator Dato Haji Khalid bin Haji Abdullah membangkitkan tentang kebolehan pegawai-pegawai di dalam Amanah Saham Nasional. Sukalah saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu, bahawa pihak pengurusan Permodalan Nasional Berhad dan Amanah Saham Nasional Berhad adalah terdiri dari orang-orang yang jujur serta mempunyai pengalaman, dedikasi dan berkelibar. Berkenaan syarikat-syarikat yang dipindahkan kepada PNB, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa dasar pemindahan hakmilik saham Kerajaan kepada bumiputra yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 9hb Januari, 1981 telah menentukan bahawa pengurusan syarikat-syarikat yang sedia ada ini akan berterusan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ismail Hassan mencadangkan supaya diadakan unit-

unit bergerak ke kampung-kampung. Kerajaan sedar bahawa dalam usaha menggalakkan bumiputra untuk menyertai skim ini, tindakan-tindakan positif terpaksa dijalankan. Dalam perkara ini Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Pos akan mengadakan kemudahan unit-unit bergerak di kampung-kampung untuk memberi khidmat berkaitan dengan Skim Amanah Saham Nasional. Dalam perkara ini juga, saya memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa khidmat unit bergerak Jabatan Pos ini akan bertambah dan diperbaiki lagi untuk mengambil kira kehendak-kehendak bumiputra khususnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad telah membuat cadangan supaya kuasa hukuman Mahkamah Syariah ditingkatkan lagi supaya lebih seimbang dengan kuasa Mahkamah Awam.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Mahkamah Syariah ditubuhkan oleh Undang-undang Negeri tetapi bidang kuasa jenayahnya adalah ditetapkan oleh Parlimen melalui Akta Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk membicarakan sesuatu kes jenayah jika hukuman bagi melakukan sesuatu kesalahan itu melebihi hukuman penjara selama 6 bulan atau melebihi hukuman denda sebanyak \$1,000. Justru itu, pada masa ini, Undang-undang Negeri terpaksa menetapkan hukuman bagi sesuatu kesalahan kurang daripada had tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, atas kesedaran bahawa had tersebut adalah tidak memadai untuk memerangi masalah-masalah penjenayahan syariah pada masa ini, Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri telah memulakan langkah-langkah ke arah meminda Akta tersebut untuk meningkatkan lagi bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah. Dengan adanya pindaan ini, maka negeri-negeri bolehlah meminda undang-undang untuk meningkatkan lagi penalti bagi jenayah-jenayah syariah. Setakat ini langkah-langkah untuk meminda Akta tersebut masih lagi di peringkat Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri yang terpaksa mematuhi

beberapa formaliti sebelum mengemukakan cadangan ini secara rasmi kepada Kerajaan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mahmoud Salim juga membangkitkan tentang tambang percuma ke Tanah Suci untuk mengerjakan haji dan beliau mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya mengkaji perkara ini untuk memberi tambang percuma kepada kakitangan-kakitangannya. Sebagai menjawab, Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengadakan tambang percuma menunaikan haji kepada kakitangan-kakitangannya. Walau bagaimanapun mengikut paraturan yang ada sekarang, kakitangan-kakitangan Kerajaan adalah berkelayakan mendapat cuti haji bergaji penuh yang diberi sekali sahaja di dalam tempoh pekhidmatan seseorang pegawai itu dan adalah tertakluk kepada syarat bahawa pegawai tersebut telah bertugas tidak kurang daripada 10 tahun.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain meminta Kerajaan menggantikan undang-undang kolonial yang ada sekarang dengan Hukum Syarak.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang berhaluan seperti cadangan ini telah kerap kali ditimbulkan dalam Parlimen sebelum ini. Daripada jawapan-jawapan yang telah diberi seharusnya ternyata bahawa pendirian Kerajaan dalam soal ini ialah ini adalah satu perkara yang melibatkan prinsip-prinsip dan implikasi-implikasi yang besar, lebih-lebih lagi memandangkan keadaan negara ini yang berbilang kaum dan berbilang agama. Oleh yang demikian, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang mengambil langkah untuk mencapai hasrat disebalik cadangan Yang Berhormat Senator itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan daripada Yang Berhormat Senator Alexander Y.L. Lee yang mengatakan undang-undang yang diadakan sekarang menyekat kuasa-kuasa mahkamah bagi menyoal keputusan-keputusan Eksekutif dan bertanya sama ada kerajaan hilang kepercayaan terhadap kehakiman kita, sukalah saya jelaskan bahawa anggapan itu adalah tidak benar sama sekali.

Undang-undang yang digubal atau pindaan-pindaan yang ada adalah tidak bertentangan dengan Perlembagaan negara kita. Perlu ditegaskan undang-undang baru dan pindaan-pindaan dibuat dari masa ke masa adalah bertujuan untuk memelihara kepentingan dan keselamatan negara dan orang ramai. Dalam hal-hal yang tertentu dan mengikut keadaan suasana, mahkamah-mahkamah tidak disekat secara langsung untuk melayani kes-kes yang barangkali dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tindakan Kerajaan dalam semua hal adalah bukan untuk faedah sesuatu pihak tetapi semata-mata bagi faedah dan kebaikan negara dan rakyatnya. Itulah sebabnya sebelum satu Rang Undang-undang diluluskan, seluas-luas peluang diberi kepada Wakil-wakil Rakyat, baik di Dewan Rakyat begitu juga di Dewan Negara, untuk menganalisa dan membahaskan secara serius. Rang Undang-undang itu. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu spesifik, maka penjelasan ini terkenallah berupa secara umum.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kepada Yang Berhormat Senator Datin Hajjah Mahimon yang mencadangkan supaya Kerajaan mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang cuba memecahbelahkan perpaduan kaum, memanglah kerajaan sentiasa mengawasi gejala-gejala seperti ini dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang wajar, misalnya, penguatkuasaan Undang-undang Penghasutan dan sebagainya.

Mengenai adanya pihak-pihak yang menafikan kemudahan-kemudahan dan rancangan yang disediakan oleh Kerajaan dan pula mengatakan rancangan-rancangan itu untuk menipu rakyat, perkara ini juga akan diambil tindakan oleh Kerajaan, jika terdapat bukti yang jelas. Misalnya, dalam perkara Amanah Saham Nasional Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana menteri telahpun memberi amaran melalui RTM untuk mengambil tindakan kepada mereka yang memutar-belitkan isu ini yang dikatakan sebagai menipu rakyat.

Ahli Yang Berhormat Senator Abdullah Salleh juga bercakap mengenai masalah

perpaduan negara. Beliau berpendapat perpaduan negara dapat dicapai melalui gabungan faktor-faktor bahasa, sistem pelajaran, Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain dan menegaskan sejarah merupakan faktor utama ke arah itu. Beliau mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula dan mengubahsuai buku-buku sejarah dan menjadikan mata pelajaran sejarah sebagai mata pelajaran wajib dalam bidang perubatan, kejuruteraan, sains dan sebagainya kerana matapelajaran ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai latar belakang sejarah negara.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu yang berpendapat bahawa perpaduan negara dapat dicapai melalui gabungan bahasa, sistem pelajaran, Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain. Ini sememanglah diusahakan oleh Kerajaan. Mengenai peranan buku sejarah serta mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula serta mengubahsuai buku-buku teks, saya rasa Kementerian Pelajaran sedar tentang perkara ini dan sememangnya sedang diusahakan.

Ahli Yang Berhormat Senator Dr Choo Kooi Fook menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah gagal dan penyelewengan dalam tugas-tugas yang dijalankan oleh kakitangan Kerajaan akan menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat, dan ini akan menyukarkan tercapainya masyarakat adil berdisiplin dan berdikari. Dalam konteks ini saya tidak bersetuju bahawa terdapatnya kegagalan Dasar Ekonomi Baru. Mengenai penyelewengan kakitangan Kerajaan, saya suka menyatakan tidaklah elok dibuat kenyataan-kenyataan yang umum kerana sebahagian besar kakitangan-kakitangan Kerajaan adalah menjalankan kerja-kerjanya baik dan jujur. Hanya sebahagian kecil sahaja yang menyeleweng dan tidak menjalankan kerja dengan mengikut peraturan. Tetapi perlu diingat bahawa tindakan-tindakan tegas telahpun diambil terhadap mereka ini dan mana yang belum diambil tindakan lagi, maka tindakan adalah masih dalam proses.

Saya juga tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu mengenai kononnya Dasar Ekonomi Baru melahirkan

golongan yang tamak dan golongan yang ketinggalan. Jikalau Ahli Yang Berhormat berkenaan membaca Laporan Ekonomi 1981, Rancangan Malaysia Ketiga dan juga mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pelancaran Rancangan Malaysia Keempat, beliau akan sedar bahawa usaha Kerajaan menghapuskan jurang perbezaan di antara yang berada dengan yang tidak berada adalah bersungguh-sungguh dan kesannya telahpun dapat dilihat. Ianya mengambil masa oleh kerana beberapa faktor yang biasa dihadapi oleh manusia.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu bahawa keamanan, kemajuan dan kesaksamaan adalah penting untuk perpaduan dan ketenteraman rakyat. Pendek kata, apa jua saja tindak-tanduk oleh mana-mana pihak sekalipun yang boleh menghalang perpaduan kaum adalah dikutuk oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Fadzil membangkitkan soal kakitangan perkhidmatan awam yang kurang berdisiplin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa setiap anggota perkhidmatan awam menumpukan sepenuh tenaga dan keupayaan untuk mencapai matlamat pembangunan negara. Antaranya ialah dengan memberi penghargaan kepada kakitangan yang memberi khidmat cemerlang sebagai dorongan kepada mereka meninggikan mutu perkhidmatan.

Di samping itu, Perintah Am, Bab "D", 1980 dan Akta Pencen, 1980 memberi peruntukan bagi menamatkan perkhidmatan atas alasan kepentingan negara dan demi kepentingan awam. Selain daripada itu juga, pegawai-pegawai dari Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam sering dan selalu membuat lawatan dari semasa ke semasa ke pejabat-pejabat Kerajaan untuk melihat dan memastikan mutu perkhidmatan awam adalah sentiasa baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator yang telah mengemukakan hujah-

hujah serta pandangan-pandangan yang membina berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri. Mana-mana perkara yang telah dikemukakan tetapi tidak sempat dijawab, sukalah saya memberi jaminan bahawa semua perkara-perkara yang timbul dalam perbahasan ini akan diambil perhatian oleh kerajaan dan mana-mana cadangan yang membina yang sesuai akan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Pengangkutan.

5.02 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Latip Haji Dris telah membangkitkan perkara mengenai perkhidmatan udara di Sarawak dan mencadangkan supaya diperbaiki lapanganterbang-lapanganterbang yang ada sekarang ini, dan ditambah frequency penerbangan bagi membolehkan ianya memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan sedang dan akan mengambil tindakan memajukan serta meninggikan taraf lapanganterbang-lapanganterbang serta landasanterbang kecil yang terdapat di Sarawak memandangkan permintaan terhadap perkhidmatan penerbangan semakin bertambah.

Mengenai Lapanganterbang Sibul, sebuah firma perunding akan dilantik tidak berapa lama lagi bagi menjalankan kerja-kerja rekabentuk serta pembinaan sebuah lapanganterbang baru dan sebuah tapak yang baru telahpun ditetapkan. Adalah dijangkakan ianya akan dapat disiapkan pada akhir tahun 1984.

Mengenai lapanganterbang di kawasan pendalaman, di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan akan menjalankan beberapa projek memperbaiki lapanganterbang tersebut untuk kemudahan penduduk-penduduk di kawasan pendalaman. Adalah tidak benar bahawa MAS tidak memberatkan keperluan perkhidmatan udara di Sabah dan Sarawak. Dari semasa ke semasa MAS telah menambah kapasiti pada sektor ini bagi memenuhi keperluan orang ramai dan

tambahan-tambahan tersebut telahpun dijalankan secara besar-besaran. Mulai pada bulan April tahun ini MAS telahpun juga menambah kapasiti pada sektor-sektor seperti Kuching-Sibu, Kuching-Bintulu-Sibu-Bintulu dan Kota Kinabalu-Labuan. MAS akan juga melancarkan perkhidmatan Airbusnya ke Kuching mulai bulan April 1982. MAS akan terus mengawasi keperluan perkhidmatan di Sabah dan Sarawak dan akan berusaha memenuhi kehendak orang ramai.

Mengenai kesesakan di Dewan Ketibaan dan Dewan Berlepas di Bangunan Terminal Kota Kinabalu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Din Jaafar, sukacita dimaklumkan Kerajaan telahpun mengambil langkah serta merta bagi mengatasi kesesakan tersebut. Sebanyak \$1.5 juta sedang dibelanjakan bagi membesarkan Dewan Ketibaan dan Dewan Berlepas di Bangunan Terminal Lapanganterbang Kota Kinabalu bagi mengatasi kesesakan yang berlaku. Kerja-kerja ini dijangka siap pada pertengahan tahun ini. Sebagai langkah jangka panjang sebanyak \$37.7 juta telah diperuntukkan bagi membina sebuah Bangunan Terminal yang baru yang akan dapat menampung keperluan perkhidmatan pesawat-pesawat besar dan seperti Ahli Yang Berhormat sendiri boleh lihat kerja pembinaan pun telah bermula dan sehingga masa ini kadar kemajuan sangatlah memuaskan.

Mengenai perkhidmatan MAS ke Alor Setar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Dato Haji Khalid bin Abdullah, pada masa ini MAS mengadakan sebanyak 3 kali penerbangan dengan pesawat Boeing 737 seminggu iaitu di antara Kuala Lumpur/Alor Setar dan balik. Mulai 1hb Mei, 1981, MAS akan mengadakan satu lagi penerbangan tambahan di antara Kuala Lumpur-Alor Setar (pergi balik) dan satu penerbangan baru ke Alor Setar pada jalan Kuala Lumpur-Alor Setar-Kota Bharu-Kuala Lumpur. Penerbangan tambahan ini telah dijadualkan bermula pada bulan April ini. Akan tetapi oleh kerana masalah yang tidak dapat dielakkan pesawat sewaan yang dirancangkan untuk perkhidmatan tambahan ini telah tidak dapat dibekalkan mengikut jadual. Walau bagaimanapun, mulai pada bulan Mei

perkhidmatan tambahan mengikut jadual baru ke Alor Setar akan dilaksanakan. Segala kesusahan yang diakibatkan sangatlah dikesali. Sebenarnya masa perjalanan dari Alor Setar Ke Kuala Lumpur dengan menggunakan pesawat Boeing 737 cuma 45 minit dan sekiranya menggunakan pesawat Fokker 27 akan mengambil masa 2 jam 40 minit. Ini ialah kerana penerbangan Fokker 27 membuat persinggahan di pulau Pinang dan Ipoh. Itulah jawapan Kementerian Pengangkutan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara berkenaan dengan pengangkutan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Pertanian.

5.15 ptg.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas segala sokongan, pandangan dan perhatian yang telah diberi oleh Yang Berhormat Senator sekalian. Saya tidak akan memberi jawapan kepada semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator tetapi ini tidak bermakna bahawa perkara yang tidak dijawab adalah dipandang tidak penting. Perkara-perkara yang tidak diberi jawapan akan diberi perhatian yang sewajarnya dan jika perlu tindakan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil peluang ini untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia mengenai beberapa perkara. Pertamanya, mengenai dasar pertanian negara sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dato Haji Mustapha Jabar dan beberapa orang Yang Berhormat Senator yang lain. Dasar Pertanian Negara adalah merupakan perspective plan yang akan menentukan pembangunan negara dalam usaha-usaha pertanian ke arah tahun 1990. Dasar ini akan meliputi bidang pengeluaran pertanian dan sumbangan-sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi negara di samping meninggikan taraf hidup para petani dan nelayan. Menjamin makanan negara yang

cukup mengurangkan kadar import bahan makanan, menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan nilai-nilai pemakanan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator sekalian, Dasar Pertanian Negara sedang dalam perbincangan pihak Jawatankuasa Kabinet.

Menyentuh soal kejatuhan harga kelapa kering, keadaan ini berlaku oleh sebab pengeluaran minyak sayuran telah bertambah pada hal pesanan (demand) di pasaran antarabangsa menurun. Keadaan tersebut adalah di luar daripada kawalan Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian sedang menggiatkan usaha-usaha bagi mengurangkan kesan kejatuhan harga kelapa kering di pasaran dunia terhadap pekebun-pekebun kecil kelapa kita. Sebagai contoh, Kementerian melalui rancangan pembangunan pekebun-pekebun kecil kelapa telah memperuntukkan wang berjumlah \$49,834,000 di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk tanaman semula dan pemulihan kebun-kebun kecil kelapa. Dalam rancangan ini benih kelapa mawar, baja dan racun akan diberi supaya pengeluaran kebun-kebun kecil dapat ditambahkan. Di samping itu, khidmat perkembangan akan dipergiatkan lagi untuk mendorong penanam kebun kecil kelapa, koko dan kopi supaya menyelenggarakan kebun-kebun mereka dengan lebih sistematik dan ditanam dengan benih-benih yang lebih baik.

Kementerian Pertanian juga menggalakkan mempelbagaikan tanaman di kawasan tanaman kelapa dengan tanaman selingan seperti koko dan kopi dan kadangkala dipelbagaikan dengan ternakan. Berikutan dengan usaha ini sebahagian besar pekebun-pekebun kecil kelapa sekarang tidak lagi bergantung pendapatan mereka semata-mata kepada tanaman kelapa. Juga FAMA telah mendirikan 8 buah pusat pemerosesan kelapa kering supaya pekebun-pekebun kecil kelapa dapat menjual kelapa mereka dengan mudah dan dengan harga yang berpatutan. 4 buah lagi pusat pemerosesan akan disiapkan pada tahun ini. Untuk menambah daya pembelian dan pemerosesan kelapa kering, FAMA akan membina 3 kilang minyak kelapa yang mana satu sudahpun siap dibina di Bachok, Kelantan dan satu lagi sedang dalam

pembinaan di Hilir Perak. Di samping itu FAMA juga sedang melaksanakan rancangan pelesenan kelapa dan baru-baru ini mula melaksanakan rancangan pelesenan koko dengan tujuan mengurangkan amalan-amalan pasaran yang tidak adil dalam jual beli kelapa dan koko. Dalam pada itu FAMA juga sedang mencari pasaran-pasaran baru bagi kelapa untuk masakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan harga koko, walaupun harganya telah menurun tetapi petani-petani masih lagi mendapat keuntungan. Mengikut kajian yang telah dijalankan oleh MARDI, perusahaan koko masih lagi menguntungkan walaupun harga ladang jatuh ke paras \$1.34 hingga \$1.79 bagi satu paun untuk biji koko, itu yang biji koko kering. Sekarang FAMA membeli biji koko basah dengan harga 75 sen satu kati daripada pekebun-pekebun kecil, iaitu satu harga yang lebih tinggi daripada kos pengeluaran.

Menyentuh mengenai keselamatan nelayan-nelayan di perairan kita adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan akan berusaha untuk mempergiatkan lagi kawalan dan rondaan di perairan negara kita. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, kira-kira sebanyak \$6.2 juta akan diperuntukkan untuk memperkemaskan lagi aktiviti-aktiviti di pengkalan-pengkalan kawalan. Setakat ini Jabatan Perikanan telahpun mewujudkan satu sistem perhubungan melalui radio wireless yang dilengkapkan di atas bot-bot ronda dan di peringkat Negeri juga Bilik Kawalan Operasi yang mana akan boleh menghubungi Pusat Kawalan Operasi di Ibu Pejabat Perikanan. Semua aduan-aduan daripada nelayan yang diterima oleh Pusat Kawalan Operasi akan terus dilaporkan ke Bilik Gerakan, Ibu Pejabat Polis Di Raja Malaysia dan Tentera Laut Di Raja Malaysia yang mana akan menghubungi bot-bot ronda yang ada di kawasan itu boleh diambil tindakan selanjutnya.

Menyentuh kepada desakan Yang Berhormat Dato Haji Mahmoud Salim supaya Kerajaan memperketatkan lagi kawalan di kawasan 200 batu Zon Eksklusif Ekonomi, adalah dimaklumkan bahawa satu Rang Undang-undang yang akan memberi

kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk membuat penangkapan di Zon Eksklusif Ekonomi sedang digubal. Buat masa ini Kerajaan belum lagi dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap penceroboh-penceroboh di luar kawasan 12 batu selagi undang-undang tersebut belum ada. Namun demikian, Tentera Laut Di Raja Malaysia sentiasa menjalankan rondaan terutama di kawasan-kawasan yang selalu dilaporkan gangguan dan rompakan oleh orang-orang asing untuk mencegah berlakunya kejadian tersebut. Melalui 4 wilayah penguatkuasaan yang meliputi Semenanjung Malaysia yang baru sahaja ditubuhkan adalah memainkan peranan penting di dalam menyelaraskan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan di perairan negara kita supaya sistem penguatkuasaan akan berjalan dengan lebih berkesan lagi.

Mengenai bantuan bot enjin di Sabah dan Sarawak sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Haji Mohd. Din Jaafar adalah dimaklumkan bahawa perkara ini adalah terletak di bawah budi bicara Kerajaan Negeri berkenaan.

Bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid Tahir mengenai pemberian lesen Pukat Harimau ataupun Pukat Tunda adalah dimaklumkan bahawa pengeluaran lesen tersebut adalah berdasarkan kepada kajian terhadap jumlah tangkapan ikan dan perusahaan perikanan tiap-tiap tahun di kawasan-kawasan berkenaan. Langkah ini merupakan salah satu cara untuk menjamin bekalan ikan di perairan negara kita supaya tidak terjejas. Penguatkuasaan peraturan-peraturan baru yang mengharamkan aktiviti penangkapan ikan secara Pukat Tunda di perairan 5 batu dari pantai adalah juga merupakan salah satu daripada pengawalan sumber-sumber perikanan di perairan di samping melindungi perusahaan perikanan bagi nelayan tradisional.

Menyentuh mengenai penyelewengan di dalam pembahagian subsidi baja sepertimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain adalah dimaklumkan setakat ini Kementerian Pertanian tidak pernah mendapat apa-apa laporan mengenainya. Sekiranya kejadian ini

benar-benar berlaku bolehlah perkara ini dilaporkan ke pihak Kementerian Pertanian untuk menjalankan penyiasatan dan tindakan yang sewajarnya. Pihak Kerajaan tidak akan membiarkan apa-apa juga penyelewengan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah subhanahu wa taala kerana negara kita cukup bekalan makanan, kita cukup beras, cukup daging ayam, cukup telur ayam, cukup sayur-sayuran, cukup ikan dan sebagainya. Kita mengeluarkan 55% keperluan negara dalam daging lembu dan kita akan meningkatkan lagi pengeluaran daging lembu dari semasa ke semasa. Keadaan ini akan diteruskan bagi menentukan bekalan makanan yang cukup di samping menentukan pendapatan di atas paras kemiskinan bagi pengeluaran bahan-bahan makanan itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian terhadap Kementerian saya, moga-moga dengan teguran dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu maka khidmat Kementerian Pertanian akan lebih berkesan lagi, insya Allah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

5.26 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator-senator yang telah memberi ulasan dan cadangan mereka berkenaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam perbincangan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya tidak bercadang untuk menjawab kesemua ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat itu satu persatu tetapi izinkanlah saya menyentuh di atas beberapa ulasan yang didapati penting.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar ingin mengetahui mengapa harga

barang-barang petroleum di Malaysia adalah lebih tinggi dari harga barang-barang petroleum di Indonesia walaupun kedua-dua negara merupakan negara pengeluar petroleum. Sukacita saya jelaskan di sini bahawa seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Indonesia adalah sebuah negara OPEC yang mengeluarkan banyak minyak petroleum iaitu kira-kira 1.6 juta tong sehari berbanding dengan negara kita yang hanya mengeluarkan 260 ribu tong sehari. Di samping itu Kerajaan Indonesia telah memberi subsidi yang banyak untuk barang-barang petroleum yang dijual dalam negeranya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, jumlah subsidi yang diberi oleh Kerajaan Indonesia untuk tahun 1980 ialah sebanyak 800 billion rupiah atau kira-kira 3 ribu juta ringgit berbanding dengan 550 juta ringgit untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa sebahagian besar iaitu kira-kira 65% dari minyak mentah yang ditapis di negara kita adalah diimport dari negara-negara OPEC. Selain daripada itu negara kita juga perlu mengimport kira-kira 35% dari keperluan tempatan dalam bentuk barang-barang petroleum yang telahpun ditapis dari negeri lain. Oleh yang demikian harga di dalam negara kita adalah bergantung kepada harga minyak negara-negara OPEC. Walaupun demikian Kerajaan telah berusaha untuk meringankan beban kenaikan harga minyak ke atas pengguna-pengguna melalui pemberian subsidi terutamanya ke atas minyak diesel dan minyak tanah. Sejak tahun 1976 Kerajaan telah mula memberi subsidi dan jumlah subsidi yang diberi untuk barang-barang petroleum telah meningkat dari \$17 juta bagi tahun 1976 kepada \$550 juta bagi tahun 1980. Sukacita saya memaklumkan di sini bahawa harga barang-barang petroleum terutamanya harga minyak tanah dan minyak diesel sudah pasti akan menjadi jauh lebih tinggi dari paras sekarang kiranya Kerajaan tidak memberi subsidi itu. Walau bagaimanapun rakyat harus sedar bahawa Kerajaan tidak dapat memberi subsidi secara tidak terhad.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Abdullah telah

menggesa supaya Kerajaan menggalakkan penubuhan industri-industri bagi mengeluarkan bahan-bahan penting seperti simen dan besi agar negara kita tidak perlu bergantung kepada negara-negara lain. Sukacita saya memaklumkan di sini memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan industri-industri yang mengeluarkan bahan-bahan yang penting termasuk simen dan bagi menampung keperluan bahan-bahan tersebut di sepanjang Rancangan Malaysia Keempat. Usaha-usaha sedang diambil untuk menentukan bahawa bekalan untuk kedua-dua bahan tersebut adalah mencukupi untuk kegunaan projek-projek Kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat negara kita ini kini sudah ada 4 buah syarikat pengeluar simen. Di samping itu kelulusan juga telah diberi kepada 4 buah kilang simen yang baru serta membenarkan dua buah kilang yang sedia ada membesarkan keupayaan pengeluarannya. Untuk besi keluli pula, terdapat 8 buah syarikat pengeluar besi keluli pada masa ini dan Kerajaan telah meluluskan 2 buah lagi kilang baru serta membenarkan 3 buah kilang yang sedia ada menambahkan keupayaan pengeluarannya.

Sukacita juga saya memaklumkan bahawa Kerajaan juga telah menubuhkan Perbadanan Industri-industri Berat atau HICOM (Heavy Industries Corporation of Malaysia) bagi mengeluarkan barang-barang yang menjadi bahan-bahan penting kepada industri-industri lain termasuk simen. Oleh kerana industri-industri berat terpaksa melibatkan pelaburan yang besar pihak swasta tempatan adalah didapati tidak tertarik kepada kegiatan ini secara bersendirian bukan sahaja kerana pelaburannya yang besar tetapi juga kerana pulangan pelaburannya mengambil masa yang lebih panjang. Oleh itu adalah perlu bagi Kerajaan merintis jalan dan mengambil inisiatif dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Fadzil Ahmad telah menyarankan supaya Kementerian saya bertindak lebih tegas terhadap mereka yang sengaja menjalankan amalan-amalan perniagaan yang tidak bertanggungjawab dengan tujuan mendapatkan keuntungan yang berlebihan. Beliau juga mengesyorkan

supaya hukuman yang lebih berat dikenakan kepada mereka itu.

Sukacita saya menjelaskan di sini bahawa Akta-akta yang sedia ada memang didapati berkesan dalam menentang amalan-amalan yang tidak sihat itu. Walau bagaimanapun, dengan penambahan bilangan Pegawai-pegawai Penguatkuasa serta Cawangan-cawangan Pejabat-pejabat Penguatkuasa untuk tahun ini saya percaya tindakan-tindakan yang lebih berkesan dapat dijalankan dalam membawa ke tengah mereka yang tidak bertimbang rasa ini.

Dalam hubungan ini sukacita saya memaklumkan bahawa untuk membolehkan Kementerian saya bertindak dengan lebih berkesan kerjasama orangramai adalah diperlukan. Orangramai perlu tampil ke hadapan untuk melaporkan sebarang amalan yang tidak sihat kepada Kementerian saya supaya tindakan-tindakan yang sewajarnya boleh diambil. Di samping itu sukacita saya menegaskan bahawa Kementerian saya tidak akan teragak-agak atau bertolak ansur dalam menentang amalan-amalan yang tidak sihat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu juga mengesyorkan supaya Kementerian saya menggalakkan penubuhan Persatuan-persatuan Pengguna serta memberi kerjasama kepada mereka demi untuk menjamin kepentingan-kepentingan pengguna. Dalam hubungan ini sukacita saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya memang mempunyai program bagi menggalakkan Persatuan-persatuan Pengguna sejak beberapa tahun yang lalu. Kementerian saya telah dan akan terus memberi bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan itu dengan harapan mereka dapat menjaga kepentingan-kepentingan pengguna. Walau bagaimanapun sokongan dan kerjasama dari Kerajaan sahaja adalah tidak mencukupi dalam mengujudkan Persatuan-persatuan Pengguna yang aktif dan disegani, sebaliknya pengguna-pengguna sendiri hendaklah menawarkan diri untuk berkhidmat serta memberi kerjasama dan sokongan kepada persatuan-persatuan itu kerana persatuan-persatuan itu adalah persatuan sukarela dan

kekuatan dan kekesanannya adalah bergantung kepada ahli-ahlinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ulasan saya ke atas cadangan-cadangan dan teguran-teguran Yang Berhormat Senator-senator. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan bagi memperbaiki prestasi Kementerian saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Pertahanan.

5.35 *ptg.*

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Ucapan Di Raja yang diadakan semenjak 13hb April, yang lalu khasnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Senator Dato Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar dan Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Abdullah dalam menekankan pentingnya peranan pasukan Angkatan Tentera dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara telah mengesyorkan supaya angkatan bersenjata diperbesarkan lagi memandangkan power rivalry di antara kuasa-kuasa besar di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya pernah jelaskan beberapa kali di Dewan Rakyat dan Dewan yang mulia ini dipersidangan yang lalu, Kerajaan memang sedar dan sentiasa mengikuti setiap pergolakan yang berlaku di negara-negara berhampiran yang mana sedikit sebanyak mungkin boleh menjadi ancaman terhadap keamanan negara kita.

Berasaskan kajian dan analisa ancaman semasa inilah langkah-langkah pertahanan sentiasa diperkemaskinikan dan Kementerian saya sentiasa mengkaji kekuatan Angkatan Tentera kita supaya sejajar dengan keselamatan di seluruh negara dan sekitar rantau ini, bukan sahaja dari segi

kelengkapan pertahanan tetapi juga dari segi kekuatan anggota, latihan dan penggunaan kemampuan dan juga dari segi kelengkapan-kelengkapan. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun meluluskan rancangan pembesaran Angkatan Tentera mulai tahun 1979 hingga tahun 1983. Tahun 1981 merupakan tahun permulaan bagi rancangan pembangunan lima tahun kita, iaitu Rancangan Malaysia Keempat. Bagi Kementerian Pertahanan, Rancangan Malaysia Keempat adalah merupakan satu tempoh dalam mana perkembangan dan pembesaran Angkatan Tentera kita akan terus dilaksanakan dengan pesatnya. Tempoh ini akan merupakan satu kemuncak aktiviti-aktiviti perkembangan dan pembesaran tersebut.

Kementerian saya juga sentiasa mengkaji perkembangan peralatan tentera dan senjata-senjata untuk menentukan bahawa Angkatan Tentera kita dibekalkan dengan peralatan dan senjata-senjata yang moden, up-to-date dan sophisticated. Perkara ini telah juga disentuh oleh Yang Berhormat Senator V.V. Aboo sebentar tadi. Sukacita saya menegaskan sekali lagi bahawa di dalam rancangan pembesaran istimewa Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan sentiasa mengemaskini dan menambah tenaga Angkatan Tentera memperkemas dan meninggikan mutu latihan peperangan serta menambah dan mengemaskinikan kelengkapan senjata-senjata dan peralatan yang sesuai dengan keperluan Angkatan Tentera.

Yang Berhormat itu juga telah menggesa supaya para belia digalakkan memasuki Angkatan Tentera. Berhubung dengan perkara ini, Kerajaan sentiasa menggalakkan para belia memasuki sama ada tentera tetap ataupun perkhidmatan sukarela seperti Askar Wataniah, Sukarela TLDM ataupun TUDM dan Kerajaan berharap bahawa lebih ramai lagi belia termasuk juga belia-wanis akan tampil ke hadapan untuk berkhidmat demi kepentingan, kedaulatan dan pertahanan negara kita.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran antara lain telah mengesyorkan supaya di samping memodenkan Angkatan Bersenjata, ASEAN juga harus digunakan sebagai satu

military pact untuk mencegah ancaman dari Vietnam. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sedia maklum, ASEAN bukanlah sebuah pertubuhan pakatan tentera. Tujuan ASEAN adalah berasaskan kepada hasrat ke semua 5 negara anggota untuk mencapai pembangunan serantau dalam suasana kebebasan, keamanan dan berkecuali. ASEAN ialah ikatan ekonomi dan kebudayaan dan bukan ikatan ketenteraan. Dengan dasarnya menjadikan rantau ini satu kawasan aman, bebas dan berkecuali (zone of peace, freedom and neutrality), ASEAN tidak ada tujuan untuk membentuk ikatan pertahanan ataupun ketenteraan.

Yang Berhormat itu juga menggesa supaya pesawat-pesawat jet Tebuan diganti dengan segera. Saya telah pun berkali-kali menjawab pertanyaan yang sama di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, suka saya mengulang sekali lagi iaitu TUDM masih memerlukan jet Tebuan ini untuk kegunaan latihan penerbangan. Pihak TUDM tidaklah boleh memberhentikan seluruh perkhidmatan jet Tebuan secara serta-merta kerana ini akan menjejaskan rancangan melatih juruterbang-juruterbang TUDM. Dari kajian-kajian yang dibuat, pihak TUDM telah memutuskan bahawa pesawat Tebuan masih selamat digunakan untuk latihan penerbangan dan selain daripada latihan yang diperlukan, rancangan baikpulih TUDM untuk pesawat ini adalah juga mencukupi dan memuaskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan ada rancangan untuk mengganti pesawat-pesawat yang telah lama digunakan dengan pesawat-pesawat terbang yang lebih moden.

Yang Berhormat Senator Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad telah meminta supaya pihak TLDM memainkan peranan yang lebih penting dalam usaha mengurangkan kegiatan lanun-lanun dan kejadian jenayah yang lain di perairan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kegiatan lanun-lanun di perairan Malaysia pihak Tentera Laut Di Raja Malaysia sentiasa membuat rondaan-rondaan di kawasan-kawasan yang kerap berlakunya

kegiatan-kegiatan lanun. Tentera Laut Di Raja Malaysia juga sentiasa memberi bantuan kepada jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Antaranya ialah dengan memberi bantuan rondaan keselamatan kepada Jabatan Polis Marin dan Jabatan Perikanan. Usaha-usaha untuk mengurangkan kejadian jenayah dan aktiviti-aktiviti lanun dilaksanakan oleh TLDM dengan mengadakan Operasi Sapu (sweep) di mana 6 hingga 10 buah kapal TLDM akan mengambil bahagian. Operasi ini diadakan untuk menangkap lanun-lanun dan mematahkan kegiatan jenayah yang berlaku di perairan kita. Operasi ini selalunya diadakan dengan kehadiran bersama bot-bot Polis Marin.

Di dalam perkembangan dan pembesaran Angkatan Tentera Malaysia TLDM akan membeli lebih banyak lagi kapal-kapal moden dan sophisticated. Kapal-kapal lama yang sedang digunakan sekarang akan diganti dan diubahsuai dengan alat-alat moden agar ianya benar-benar berkemampuan menjaga persisiran laut Malaysia dari ancaman luar dan sekali gus menghalang kegiatan lanun dan mencegah penyeludupan yang boleh mengancam keselamatan dan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya dan sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa aspek tentang Kementerian Pertahanan dalam perbincangan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Pelajaran.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh masalah-masalah pelajaran di negara ini semasa membahaskan Usul Terima Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini.

Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong telah membangkitkan tentang pelaksanaan kurikulum baru dalam pelajaran rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Baru Sekolah Rendah ini adalah bertujuan memberi asas-asas yang kukuh dalam bidang 3M membaca, menulis dan mengira dan ia akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat keseluruhan negara mulai pada tahun 1983. Pada tahun depan peringkat pertama pelaksanaannya yang meliputi 300 buah sekolah rendah di seluruh negara akan dijalankan sebagai persediaan untuk tahun pertama pelaksanaan kurikulum baru ini.

Kurikulum Baru Sekolah Rendah ini juga akan dapat memberi perkembangan murid yang menyeluruh dari segi jasmani, rohani, akal, estatika dan emosi serta menyemai, menanam dan memupuk sikap dan nilai yang diingini, di samping menyampaikan ilmu pengetahuan. Kurikulum baru ini juga bertujuan membentuk keperibadian dan perwatakan murid yang baik bagi usaha untuk mencapai matlamat perpaduan negara.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad dan Yang Berhormat Senator Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun berhubung dengan pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah, Kementerian Pelajaran memang menyedari tentang kelemahan-kelemahan dalam menyerapkan nilai-nilai Islam melalui mata Pelajaran Ugama Islam. Tindakan telahpun diambil mengkaji dan menyusun semula sekatan pelajaran kita. Sukatan pelajaran Ugama Islam bagi sekolah rendah yang menitikberatkan bacaan Al-Quran dan akhlak sedang dalam rancangan dan akan dilaksanakan sepenuhnya pada bulan September 1983. Sukatan pelajaran untuk sekolah menengah juga adalah sedang disemak semula supaya sesuai dengan kehendak kita untuk memberi anak-anak kita asas-asas yang kukuh dalam bidang ugama.

Sukacita saya maklumkan bahawa jumlah masa untuk pelajaran ugama dan akhlak dalam kurikulum baru untuk sekolah-sekolah rendah akan dinaikkan dari 120 minit seminggu kepada 150 minit. Di samping itu

latihan amali seperti mengambil wudhu' dan kaedah-kaedah sembahyang akan dipergiatkan lagi.

Pada masa ini pegawai-pegawai yang bertugas bagi menyelaraskan kegiatan-kegiatan ini telah dilantik di tiap-tiap buah Jabatan Pelajaran Negeri dan juga di peringkat Kementerian Pelajaran. Sukacita saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa untuk menyerap nilai-nilai Islam kepada jenerasi muda, memerlukan kerjasama dan pesanan semua pihak iaitu sekolah, ibubapa dan masyarakat.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Dris, suka saya jelaskan bahawa Kementerian Kesihatan memang telah dan akan terus mengambil berat kepada mutu pelajaran di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak \$453 juta telah diperuntukkan kepada kedua-dua negeri itu untuk membangunkan program-program pelajaran dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Mengenai kelambatan pembinaan sekolah menengah rendah di Ulu Balingian, Bahagian Ketiga Sarawak yang tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga adalah disebabkan oleh masalah-masalah pengambilan tanah seluas 30 ekar di Balingian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha untuk pengambilan tanah ini telah mengalami sedikit kesulitan kerana timbul bantahan dari pemilik-pemilik tanah. Walau bagaimanapun, Pejabat Pelajaran Sarawak akan terus mengambil alih tanah tersebut untuk projek pelajaran dan dijangka proses pengambilan tanah akan selesai pada awal tahun 1982.

Yang Berhormat K. Kumanan telah menyentuh mengenai pelajaran Teknik dan Vokasional, suka saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa memang menjadi dasar Kementerian Pelajaran menambahkan bilangan Sekolah-sekolah Vokasional untuk memenuhi keperluan tenaga mahir negara. Walau bagaimanapun selaras dengan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai dasar pelajaran, pelajaran peringkat

menengah atas akan menjadi dua jurusan sahaja iaitu vokasional dan akademik. Kementerian Pelajaran sekarang ini sedang mengkaji dengan teliti kemungkinan membuka peluang melanjutkan pelajaran tinggi bagi lulusan sekolah menengah vokasional.

Mengenai guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah vokasional, suka saya jelaskan di sini bahawa guru-guru ini adalah guru-guru di dalam kategori 13 dari Maktab Perguruan Teknik yang dilatih khas untuk mengajar kursus pertukangan di peringkat sekolah menengah vokasional. Ini adalah berbeza daripada guru-guru 13 yang juga dilatih di maktab yang sama untuk mengajar mata pelajaran seni perusahan dan pertukangan tangan sahaja.

Di samping itu bagi mengemaskinikan kebolehan guru-guru sekolah menengah vokasional ini, Kementerian Pelajaran dari masa ke semasa menghantar guru-guru ini menyertai kursus-kursus serta latihan-latihan lanjutan di institusi latihan di dalam dan di luar negeri.

Kerajaan memang sedang berusaha untuk mencari lebih banyak tempat-tempat belajar di negara-negara lain selain dari United Kingdom di mana kos perbelanjaannya telah melambung naik. Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Tuan K. Kumanan supaya menghantar pelajar-pelajar kita ke Indonesia, memang pada masa itu kita mempunyai program-program memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke negara tersebut. Mengenai rancangan menghantar pelajar-pelajar kita ke India dan negara-negara lain memang telah ada dalam pertimbangan Kementerian Pelajaran. Namun demikian, perhatian yang teliti mesti diberikan dalam usaha untuk menghantar pelajar-pelajar kita ke negeri-negeri yang lain, untuk mengelakkan dari mereka menjadi "mangsa" atas sebab mengikuti kursus-kursus yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan ataupun badan-badan diktisas tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada di antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah tidak saya sentuh di dalam

penjelasan saya tadi. Ini tidak bermakna yang saya tidak mengambil berat terhadap pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang telah dibuat itu, tetapi Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian kepada segala teguran dan cadangan yang membina dari Ahi-ahli Yang Berhormat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Penerangan.

5.53 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap di dalam Dewan ini dan ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-prkara berkenaan dengan Kementerian Penerangan. Kementerian saya senantiasa sedar atas tanggungjawabnya untuk memenuhi kehendak-kehendak orang ramai dan mencapai matlamat-matlamat Kerajaan.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Dato' Mahmoud Salim supaya iklan rokok di Radio dan TV dihapuskan saya suka menyatakan bahawa penyelidikan di atas perkara ini pernah dijalankan dengan halus dan teliti dan dasarnya sekarang ialah kajian yang diperolehi itu menunjukkan bahawa publisiti mengenai bahayanya rokok di negara asing telah tidak mendatangkan kesan yang diharapkan, bahkan adalah didapati bilangan orang-orang yang menghisap rokok makin bertambah dari masa ke semasa walaupun mereka telah diberi amaran berkali-kali bahawa menghisap rokok adalah merbahayakan kesihatan mereka. Pengiklanan rokok di Radio dan TV adalah berkait rapat dengan perusahaan penanaman tembakau di tanahair kita terutama di Kelantan dan Trengganu.

Berhubung dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Hajjah Salmah Sheikh Hussain di Dewan yang mulia ini, bahawa filem-filem yang mempunyai unsur-unsur seks telah banyak diadakan menerusi TV boleh merosakkan moral masyarakat terutamanya dari golongan kanak-kanak. Saya suka memaklumkan bahawa pegawai-pegawai Lembaga Penapis

Filem dan pegawai RTM sendiri berhati-hati dalam tugas menapis filem untuk tayangan televisyen. Walau bagaimanapun, babak-babak yang mengandungi adigan-adigan keganasan, kedegilan dan sebagainya tidaklah boleh dielakkan 100% kerana hampir semua filem-filem kegemaran ramai sedikit sebanyak mengandungi ciri-ciri tersebut sedangkan dalam Mastika Seni Budaya Negara kita sendiri pun, umpamanya cerita Hang Tuah ada babak-babak keganasannya juga. Apa yang boleh dilakukan oleh pegawai-pegawai penapis filem hanyalah untuk mengharamkan filem yang mengandungi babak-babak keganasan yang melampau atau yang membuta tuli. Dalam pemilihan filem-filem kita tidak harus hanya memandang unsur-unsur keburukannya sahaja tetapi harus juga dikaji unsur-unsur kebaikannya secara keseluruhannya. Ada cerita-cerita yang mengandungi sedikit unsur-unsur keburukan seperti keganasan tetapi keseluruhan ceritanya mengandungi nasihat dan nilai-nilai moral yang tinggi, maka kedua-dua unsur ini harus dipertimbangkan.

Akhir kata, teguran yang membina dan cadangan-cadangan yang difikirkan menasabah dan selaras dengan dasar dan matlamat Kerajaan akan diberikan perhatian dan pertimbangan oleh Kementerian saya. Pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran yang membina dan ikhlas serta cadangan-cadangan yang sangat bernas sekali lagi saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul atas Titah Ucapan Di Raja telah selesai dipertimbangkan dan diluluskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul atas Titah Ucapan Di Raja telah selesai dipertimbangkan dan diluluskan.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA
KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG**

Perbahasan disambung semula.

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Mulia, Menteri Luar Negeri mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun menunjukkan minat dan membuat teguran atas perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri.

Saya akan cuba setakat mana yang boleh untuk menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan Titah Ucapan di Raja di Dewan yang mulia ini dalam beberapa hari yang sudah.

Saya mengalu-alukan teguran Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar mengenai usaha Malaysia sebagai anggota utusan khas muhibbah untuk mendamaikan perang Iraq-Iran dan juga usaha kita di dalam hubungan dengan negara-negara ASEAN dan negara-negara berkecuali. Saya ingin menambah bahawa adalah menjadi hasrat dan pendirian Malaysia supaya semua pertikaian-pertikaian yang berlaku sekarang diselesaikan dengan cara aman dan tanpa kekerasan. Di dalam ASEAN dan juga di antara negara-negara berkecuali, Malaysia akan terus memainkan peranan yang lebih aktif dan berkesan untuk mencapai matlamat kedua-dua pertubuhan tersebut.

Ahli Yang Berhormat Tuan M. Muthu Palaniappan telah menyentuh tentang Persidangan Antarabangsa yang dicadangkan

dan dipersetujui oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk membincangkan keadaan di Kampuchea dengan tujuan menyelesaikan masalah itu. Ingin saya menegaskan di sini bahawa Malaysia menyokong penuh keputusan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang tercatat dalam Resolusi 35/6 untuk menyelesaikan pertikaian di Kampuchea secara politik. Persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea yang dicadangkan merupai forum yang paling sesuai untuk menyelesaikan pertikaian ini. Oleh kerana Bangsa-bangsa Bersatu telahpun meluluskan Resolusi 35/6 itu, Malaysia berpendapat bahawa persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea hendaklah diadakan juga, tanpa kehadiran Vietnam sekiranya ia masih enggan menyertai persidangan tersebut.

Menyentuh tentang pendatang haram Vietnam di Malaysia sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Muthu Palaniappan juga, suka saya nyatakan di sini bahawa keadaan sekarang telahpun berubah berikutan rundingan mengenai pendatang-pendatang haram di Asia Tenggara yang telah diadakan di Geneva pada bulan Julai 1979. Kawalan-kawalan yang ketat telahpun dibuat oleh pihak berkenaan untuk menyekat kedatangan pendatang haram Vietnam. Malaysia berharap bahawa baki yang masih ada di Malaysia yang berjumlah 10,216 orang pada masa sekarang akan dapat ditempatkan di negara-negara ketiga. Sementara itu, adalah diharapkan juga bahawa Vietnam akan terus memberi kerjasamanya dalam mengawal pengaliran keluar pendatang-pendatang haram itu.

Ahli Yang Berhormat Tuan M. Muthu Palaniappan juga telah mengesyorkan supaya ASEAN dijadikan satu pakatan tentera memandangkan sengketa yang berlaku di rantau ini. Mengenai ini, suka saya nyatakan bahawa penubuhan ASEAN didorongkan oleh kehendak ekonomi, sosial dan kebudayaan, sepertimana yang termaktub di dalam Bangkok Declaration yang telah mewujudkan badan ini. Negara-negara ASEAN juga telah menekankan agar sebarang sengketa di antara negara-negara mestilah diselesaikan secara damai dan dalam konteks ini telah mengesyorkan agar kawasan

ini dijadikan suatu kawasan aman, bebas dan berkecuali dari sengketa-sengketa kuasa besar. Dengan yang demikian, adalah bertentangan dengan prinsip ASEAN untuk mengadakan pakatan tentera di antara negara anggota. Langkah ini akan tentu sekali meningkatkan ketegangan di kawasan ini yang akan menghindar semangat kerjasama dengan negara-negara jiran yang terkeluar dari ASEAN.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din Jaafar telah menggesa Kerajaan mengadakan hubungan yang baik antara Malaysia dengan Brunei memandangkan Brunei akan mencapai kemerdekaan dalam tahun 1983. Inginlah saya menyatakan bahawa hubungan Malaysia dengan Brunei pada masa ini adalah rapat dan baik. Kerajaan akan meningkatkan lagi perhubungan dengan Brunei dengan mengadakan hubungan diplomatik apabila ia mencapai kemerdekaan dalam tahun 1983. Malaysia bersama negara-negara ASEAN yang lain mengalu-alukan keanggotaan Brunei dalam ASEAN sekiranya ia memohon menjadi anggota selepas kemerdekaannya. Keanggotaan Brunei dalam ASEAN akan mengukuhkan lagi perhubungan negara itu dengan Malaysia dan lain-lain negara ASEAN.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Kewangan.

6.02 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih ke atas teguran-teguran yang menyeluruh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai Rancangan Malaysia Keempat yang bertujuan untuk meninggikan lagi mutu pencapaian dasar-dasar Kerajaan bagi kebaikan rakyat yang menyeluruh.

Teguran-teguran yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian penuh apabila Rancangan Malaysia Keempat itu dilaksanakan kelak. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Ekonomi Baru telah digubal lebih dari 10 tahun yang lalu dan pencapaiannya setakat ini adalah

mengalakkan. Tetapi menjelang tahun 1980 banyak lagi yang perlu diusahakan supaya matlamat dan citi-cita semua tercapai. Masa semakin singkat dan Kerajaan akan melipatgandakan usaha-usaha ke arah ini.

Soal inflasi telah disentuh lagi dalam Dewan ini dan sekali lagi saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi keadaan pengguna supaya kadar kenaikan harga tidak berlebihan. Kerajaan akan mengambil segala langkah fizikal, kewangan, dan pentadbiran yang perlu dan sesuai. Ini termasuklah pengurangan ke atas duti import, subsidi, pertambahan kepada pelepasan cukai, kurangan ke atas pertubuhan bekalan wang dan kawalan ke atas harga barang-barang keperluan asas.

Dalam usaha mengurangkan tekanan kemelesetan ekonomi dunia satu langkah Kerajaan ialah memberi perhatian berat ke atas mengembang dan memajukan sektor barangan utama. Usaha-usaha sedang dipergiatkan untuk memajukan pasaran dan pendapatan dari barangan-barangan utama. Langkah jua sedang dipergiatkan untuk menstabilkan harga-harga barangan tersebut.

Berhubung dengan perkara ini juga, saya suka menyentuh tentang penggalakan bagi memodenkan teknologi pembinaan dan perumahan demi kepentingan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, satu masalah yang dihadapi dalam sektor pembinaan ialah kekurangan tenaga buruh dan dengan demikian adalah perlu bagi negara menggunakan lebih banyak mesin-mesin dan jentera berat supaya dapat menjimatkan kegunaan tenaga buruh dalam proses pembinaan dan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek rumah kos rendah. Dengan hasrat ini Kerajaan telahpun mengambil langkah bagi membatalkan cukai tokok (surtax) 5% dan cukai jualan (sales tax) 5% bagi pengimportan mesin dan jentera ini dari negara-negara luar tanpa pembayaran apa-apa cukai.

Jenis-jenis mesin dan jentera yang tidak dikenakan cukai-cukai ini apabila diimport telahpun diistiharkan dalam satu perintah kastam yang sudah pun berkuatkuasa mulai daripada 7hb April, 1981. Mesin dan jentera

yang dimaksudkan ini ialah barang yang tidak dikeluarkan dalam negara ini dan termasuk mesin-mesin seperti "lifting, handling, loading or unloading machinery", "excavating, levelling, tamping, boring and extracting machinery" dan juga trektor-trektor berat.

Saya harap pembatalan cukai-cukai ini akan memberi penggalakan bagi mesin-mesin dan jentera ini diimport dengan lebih murah digunakan dengan lebih banyak dalam perusahaan pembinaan.

Selain daripada itu, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, beberapa Kemajuan terpenting dalam usaha-usaha Kerajaan bagi menyusun semula masyarakat dan mencapai perpaduan telah pun dilancarkan. Tidaklah dapat disangkal betapa penting kefahaman dan penyertaan rakyat bagi menjayakannya, serta juga segala usaha-usaha Kerajaan yang lain yang semuanya adalah bertujuan untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah ditentukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Selain daripada ulasan yang telah saya beri, saya sedar bahawa beberapa teguran yang lain juga telah dibangkitkan. Saya tidak bercadang memberi ulasan satu demi satu, akan tetapi suka saya menegaskan bahawa perhatian terhadapnya telahpun diambil untuk tindakan sewajarnya.

Sekian dan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

6.07 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai aktiviti-aktiviti di bawah Kementerian saya. Di sini ingin saya membuat sedikit ulasan sahaja mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan.

Yang Berhormat Senator Alexander Lee telah menyentuh mengenai pentadbiran Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO) dan seterusnya menyatakan bahawa faedah yang diberi di bawah sekim ini tidak

mencukupi. Izinkan saya menyatakan di sini bahawa faedah-faedah yang dibayar oleh sekim Socso ini bergantung kepada pendapatan bulanan seseorang pekerja itu. Oleh yang demikian jika pendapatan pekerja itu adalah kecil maka sudah tentulah faedah yang diterima juga adalah rendah.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Socso mentadbirkan dua sekim iaitu sekim Bencana Pekerjaan dan Sekim Ilat. Mulai daripada 1-10-80 sekim-sekim tersebut telah diperluaskan keseluruhan Semenanjung Malaysia yang meliputi 1,706,070 pekerja di 41,446 tempat kerja pada 31-12-1980. Usaha-usaha yang sama akan dibuat untuk meluaskan juga liputannya di Sabah dan Sarawak pada masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Socso menyediakan berbagai-bagai faedah seperti faedah hilangupaya sementara, faedah hilangupaya kekal, faedah orang tanggungan, faedah pengkebumian dan lain-lain. Dalam tahun 1980 Socso telah mengeluarkan \$4,763,528.56 dari tabung kumpulan wangnya untuk faedah pekerja-pekerja yang mendapat kemalangan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengesyorkan supaya caruman Socso ini digunakan untuk membantu pekerja-pekerja yang cacat anggota. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, caruman majikan dan pekerja terhadap Socso masing-masing adalah pada kadar 1.75% dan 0.5% dari pendapatan bulanan pekerja.

Walau bagaimanapun, Pertubuhan Keselamatan Sosial adalah menyediakan kemudahan dan faedah bagi memulihkan semula pekerja yang ditimpa kemalangan ini dari segi jasmani atau pemulihan Vokesyenal. Dalam soal ini Socso menyediakan kemudahan-kemudahan berikut:

- (a) Latihan pemulihan jasmani atau vokesyenal;
- (b) Anggota tiruan kepada seorang pekerja berinsuran yang hilang anggota;
- (c) Gigi palsu, mata palsu, cermin mata 'contact lens' dan alat-alat pendengaran bilamana bencana itu

melibatkan kemalangan yang berkenaan;

- (d) Alat-alat khas seperti kerusi beroda, 'crutches', 'cervical collar', 'ripple mattresses', 'walking calipers', 'surgical boots', dengan izin, dan lain-lain.

Pada masa hadapan Socso bercadang menambah lagi jenis-jenis faedah yang diberi kepada pekerja-pekerja seperti pencen lanjut usia (old age pension), pencen warisan, sakit bersalin dan lain-lain. Pertimbangan juga sedang diberi terhadap kadar bayaran dan syarat-syarat pembayaran faedah kepada pekerja-pekerja yang diliputi.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi ulasan mengenai beberapa aspek Kementerian saya dan apa-apa perkara yang saya tidak dapat mengulaskan di sini, saya dapat memberi jaminan bahawa segala itu adalah diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.11 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pandangan-pandangan dan teguran-teguran terhadap Kementerian saya semasa perbahasan di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya bangun untuk memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian saya.

Yang Berhormat Senator Dato Haji Ismail bin Hassan telah meminta Kerajaan agar mengambil perhatian dan tindakan di atas pencemaran di kawasan-kawasan Majlis Bandaran khasnya dari segi masalah membuang dan membakar sampah. Ingin saya jelaskan di sini walaupun tanggungjawab

utama menjaga kebersihan adalah terletak kepada Pihak Berkuasa Majlis-majlis Bandaran dan pihak-pihak berkuasa tempatan yang berkenaan, tetapi Kementerian saya bersedia memberi segala kerjasama secara nasihat yang perlu untuk mengatasi masalah ini.

Pada masa ini Kementerian saya melalui Bahagian Alam Sekitar sedang merangka satu garis panduan yang menyeluruh untuk kegunaan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang dinamakan "Kod Amalan Untuk Pelepasan Buangan Pekerja ke atas Tanah". Garis panduan ini akan memberi segala nasihat teknikal kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam menguruskan sampah-sarap secara berkesan bagi mengelakkan pencemaran. Ianya sekarang dalam peringkat penggubalan akhir dan derafnya telahpun diedarkan kepada semua Kerajaan Negeri untuk makluman dan ulasan sebelum ianya dikemukakan untuk pertimbangan Majlis Kebangsaan bagi Kerajaan-kerajaan Tempatan. Selain daripada itu, Kementerian saya bersama dengan Kementerian Kesihatan serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menganjurkan satu Seminar Kebangsaan mengenai "Solid Waste Management" pada 19hb hingga 23hb Oktober, 1981 khasnya untuk pegawai-pegawai Majlis Perbandaran dan Majlis-majlis Daerah yang besar dari seluruh negara untuk membincangkan cara yang paling sesuai bagi pengawasan pelepasan sampah-sarap.

Kementerian saya ingin merayu kerjasama dari semua pihak, khasnya orang ramai, supaya sikap dan amalan membuang sampah-sarap di merata-rata tempat dengan sewenang-wenangnya itu dapat diubah bagi mengatasi masalah pencemaran.

Di atas segala teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Kementerian saya, akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap minat mereka ke atas Kementerian saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

6.16 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian saya di sepanjang perbahasan di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu perkara yang telah dibangkitkan, tetapi walau bagaimanapun semua pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar mengenai perkhidmatan telekom yang tidak memuaskan di Sabah. Sukâ saya menyatakan bahawa Kementerian saya sentiasa mengkaji prestasi serta mutu perkhidmatan Jabatan Telekom supaya ia dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagaimana yang telah diharapkan oleh orang ramai.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din telah menyatakan bahawa perkhidmatan STD selalu terdapat cross-line. Cross-line ini, suka saya menjelaskan tidak disebabkan oleh penggunaan STD tetapi ia mungkin disebabkan oleh kabel yang kurang baik dan biasanya berlaku dalam musim hujan. Walau bagaimanapun, Jabatan Telekom sentiasa memperbaiki keadaan ini dengan menukarkan kabel-kabel lama yang kurang baik dengan kabel-kabel baru yang lebih baik.

Mengenai perkara ISD pula di mana Yang Berhormat Senator tersebut telah menyatakan bahawa hanya di Kuala Lumpur sahaja dapat kita menikmati kemudahan ini. Suka saya memberitahu bahawa kemudahan ini juga dinikmati oleh pelanggan-pelanggan telefon di Kelang dan juga di Pulau Pinang. Pada masa ini sistem ISD hanya boleh digunakan dari ibusawat-ibusawat yang

tertentu yang terdapat seperti di ketiga-tiga tempat tersebut yang mempunyai kemudahan-kemudahan untuk mengesan nombor sehingga ke 16 angka. Tetapi di ibusawat-ibusawat yang lain, kemudahan yang terdapat hanya dapat mengesan nombor-nombor sehingga 8 angka sahaja. Sistem ISD ini akan diperluaskan lagi secara berperingkat-peringkat apabila ibusawat-ibusawat jenis SBC dipasang di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Yang Berhormat Senator tersebut juga menyatakan bahawa kabel dasar laut yang menghubungi Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak hanya dipasang dari Kuantan ke Kuching dan tidak ke Kota Kinabalu. Yang Berhormat juga menyatakan bahawa keadaan ini telah menjajaskan mutu panggilan telefon dari Kota Kinabalu ke Semenanjung dan sebaliknya.

Untuk makluman Yang Berhormat, suka saya menjelaskan bahawa Sabah dari segi telekomunikasinya dihubungi melalui tiga cara iaitu:

- (i) Satelit.
- (ii) Kabel dasar laut Kuantan/Kuching dan disambung ke Kota Kinabalu melalui sistem gelombang micro.
- (iii) Sistem Seacom. Ia menghubungi Semenanjung Malaysia dengan Sabah melalui Singapura.

Mutu perkhidmatan yang diberi melalui ketiga-tiga cara ini adalah sama sahaja. Ahli Yang Berhormat tersebut juga menyatakan bahawa telefon sekarang kurang baik kerana terlalu ringan. Kementerian saya sedar tentang perkara ini, kontrak bagi telefon-telefon yang ringan ini telahpun tamat dan tender baru telahpun dipanggil untuk mendapat set-set telefon yang lebih berat lagi.

Mengenai telex pula yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator tersebut, suka saya menyatakan bahawa permintaan bagi perkhidmatan ini telah jauh melebihi keupayaan Jabatan Telekom untuk membekalnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat buat sementara waktu ini Jabatan Telekom tidak ada talian telex yang baru untuk

disewakan kepada kontrak disebabkan kontrak untuk mendapatkan bekalan telahpun tamat. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang Jabatan Telekom sedang dalam memproses perundingan dengan pembekal yang baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam keadaan biasa seseorang pemohon hanya perlu menunggu 2 bulan sahaja untuk mendapatkan perkhidmatan telex dan bukan 3 tahun sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator itu. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kementerian Kebajikan Am.

6.20 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa saya akan menjawab bagi pihak Kementerian Kebajikan Am.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh beberapa perkara di dalam Kementerian Kebajikan Am ini di dalam perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya suka menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Alexander Y.L. Lee pada 15-4-1981 yang menyatakan negara ini tidak mempunyai banyak program untuk menolong orang-orang cacat dan kita hanya mempunyai Rumah Kanak-kanak Cacat dan Orang-orang Tua. Saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian Kebajikan Am kini menyelenggarakan beberapa program bagi orang-orang cacat yang termasuk Perkhidmatan Yayasan dan Luar. Perkhidmatan Yayasan ialah seperti berikut:

(a) Pemulihan bagi orang-orang cacat anggota yang dijalankan di Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat, Cheras bagi 150 orang di mana mereka diberi pemulihan dan latihan untuk membolehkan mereka berdikari. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, 3 buah Pusat serupa ini akan dibina

untuk memberi kemudahan bagi 600 orang.

- (b) Pemulihan bagi orang-orang cacat akal yang dijalankan di tiga buah Rumah bagi Orang-orang Cacat Akal yang boleh menampung seramai 540 orang. Program ini ialah untuk memberi jagaan dan pemulihan supaya mereka ini dapat menikmati cara hidup yang lebih sempurna. Sebanyak 2 buah Yayasan lagi akan dibina untuk 200 orang di bawah Rancangan Malaysia Keempat.
- (c) Pekerjaan di dalam bengkel perlindungan untuk orang-orang cacat ialah bertujuan untuk memberi kemudahan pekerjaan kepada seramai 400 orang cacat di dalam 4 buah bengkel. Sebanyak 4 buah bengkel lagi akan dibina untuk 350 orang di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Di samping itu Kementerian Kebajikan Am juga akan membina beberapa yayasan baru seperti 2 buah ladang untuk 150 orang cacat dan 2 buah rumah perantaraan bagi 40 orang bekas pesakit otak.

Kementerian Kebajikan Am juga menyelenggarakan beberapa skim bantuan untuk orang-orang cacat yang tinggal di rumah sendiri.

Skim-skim ini ialah:

- (1) Bantuan alat tiruan dan Orthopaedic bertujuan membantu orang-orang cacat anggota dan cacat pendengaran dengan memberi mereka anggota tiruan, alat pendengaran, kerusi beroda dan sebagainya supaya mereka boleh juga belajar mendapat latihan sosial dan profesional untuk membolehkan mereka mencari nafkah walaupun cacat.
- (2) Elaun Bekerja Cacat sebanyak \$50 sebulan adalah diberi untuk menggalakkan orang-orang cacat mahu bekerja sebagai tambahan kepada pendapatan mereka.
- (3) Badan Pemasaran adalah satu rancangan yang bertujuan untuk membantu orang-orang cacat

menjalankan pekerjaan sendiri di rumah. Bahan-bahan mentah dibeli dan dihantarkan ke rumah-rumah mereka untuk dijadikan barang, selepas itu dicarikan pasaran.

- (4) Bantuan Pelancaran diberi kepada orang-orang cacat yang layak menerima sebagai modal menjalankan sesuatu usaha mencari wang supaya ada mata pencarian yang tetap bagi mereka. Maksima modal yang diberi ialah \$1,000.
- (5) Bantuan Cermin Mata ialah untuk membantu murid-murid miskin yang rosak penglihatan. Secara tidak langsung bantuan ini dapat mencegah mereka tercicir dari sekolah.
- (6) Perkhidmatan Penempatan Kerja, Kementerian Kebajikan Am adalah Pegawai-pegawai Penempatan di tiap-tiap negeri untuk mencarikan pekerjaan bagi orang-orang cacat.

Dari bulan April tahun ini Kementerian Kebajikan Am telah memulakan satu rancangan untuk mengeluarkan alat-alat tiruan dan Orthopaedic bagi menampung keperluan orang-orang cacat di negara kita.

Kementerian Kebajikan Am juga memberi bantuan kewangan kepada peguam-peguam sukarela yang menjalankan perkhidmatan kepada orang-orang cacat supaya mereka dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan. Sejumlah 25 buah pertubuhan telah menerima bantuan ini pada tahun 1980 dengan perbelanjaan sebanyak \$262,820. Bagi tahun 1981 peruntukan sebanyak \$302,800 telah disediakan bagi 28 pertubuhan.

Dari maklumat-maklumat yang disebutkan di atas dengan jelas menunjukkan bahawa pihak Kementerian Kebajikan Am tidak hanya mempunyai Rumah Kanak-kanak Cacat tetapi juga mempunyai beberapa program lain bagi mengatasi masalah yang sedang dihadapi oleh orang-orang cacat.

Sekianlah jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya-

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kelima.”

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang, hari esok, 17hb April, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.